

## BAB I

### MEDIA CETAK DAN DAKWAH

Media cetak<sup>1</sup> ialah satu jenis media massa yang digunakan sebagai saluran menyampaikan mesej atau maklumat kepada orang ramai. Ia merupakan satu sistem atau alat komunikasi manusia yang terdiri daripada simbol-simbol atau tanda-tanda yang ditulis pada sesuatu benda yang mempunyai maksud tertentu sama ada dalam bentuk tulisan tangan<sup>2</sup> atau bercetak seperti buku, majalah, risalah, surat khabar dan sebagainya.<sup>3</sup>

#### 1.1. Media Cetak Dari Sudut Sejarah

Seperti yang telah disebutkan di atas, takrifan media cetak meliputi penulisan yang dihasilkan melalui tulisan tangan dan juga cetakan. Dari sudut sejarah, sistem tulisan tangan yang sempurna dikatakan bermula kira-kira 5,000 tahun yang lampau<sup>4</sup> walaupun pratandanya muncul lebih awal iaitu sejak bermulanya tamadun manusia kira-kira 30,000 tahun dahulu. Tulisan-tulisan awal

---

<sup>1</sup>Dari sudut literal, perkataan media cetak adalah gabungan dua perkataan, iaitu "media" dan "cetak". "Media" berasal daripada bahasa Inggeris iaitu kata nama jamak bagi perkataan "medium", dan dalam bahasa Arab "media" ialah "*wasā'il*", iaitu kata nama jamak daripada "*wasīlah*". Ia dicitrakan sebagai alat untuk membuat, atau menyampaikan sesuatu, atau perantaraan, atau pengantar atau wadah. Perkataan "cetak" pula ertiinya cap (tanda, huruf dan sebagainya) pada kertas atau kain. Lihat Dewan Bahasa dan Pustaka (1979): 774; Dewan Bahasa dan Pustaka (1989): 40; Dewan Bahasa dan Pustaka (1994): 220; Collins (1978): 467; Simpson (1989) IX: 542; Asad M. Alkalali (1992): 341; al-Marbawī (t.th.): 2: 389; dan *al-Munjid fi al-Lughah* (1977): 900.

<sup>2</sup>Menurut 'Abbās Maḥmūd al-'Aqqād (m. 1964), media cetak juga meliputi bahan-bahan yang bertulis tangan berdasarkan sudut fungsionalnya. Lihat al-'Aqqād (t.th.): 149.

<sup>3</sup>Dewan Bahasa dan Pustaka (1978): 172. Lihat juga *Ensiklopedia Malaysiana* (1995) 8: 296.

<sup>4</sup>The World Book Encyclopedia (1985) 21: 424.

yang dapat dikesan ialah dalam bentuk pahatan pada permukaan-permukaan batu, tanah liat, tembikar dan seumpamanya.<sup>1</sup>

Buku adalah satu jenis media cetak yang terawal diusahakan. Berdasarkan sejarah, usaha penerbitan buku dikatakan bermula selepas manusia mencipta tulisan. Bahan-bahan bertulis yang dianggap sebagai buku terawal ialah dalam bentuk kepingan-kepingan tanah liat di Mesopotamia dan gulungan-gulungan papairas di Mesir yang dihasilkan kira-kira pada 3000 SM. Penciptaan buku daripada kepingan buluh oleh orang-orang Cina juga adalah antara tamadun awal dalam bidang ini yang dihasilkan kira-kira pada awal 1300 SM, tetapi kebanyakan buku itu dibakar oleh Maharaja Shih Huang Ti dalam tahun 213 SM.<sup>2</sup>

Penggunaan papairas di Mesir menjadi model seterusnya dalam penghasilan buku oleh orang-orang Greek dan Rom antara kurun-kurun ke-6 SM hingga kurun ke-5 M. Buku pertama yang berhalaman, berjilid dan berkulit adalah daripada "vellum", iaitu sejenis kulit yang diperbuat daripada kulit anak kambing atau anak lembu. Penggunaan "codex" menggantikan "gulungan" merupakan satu revolusi dalam perubahan pembikinan buku pada menjelangnya Zaman Pertengahan<sup>3</sup>. Codex ialah satu bentuk baru buku iaitu helaihan muka suratnya dikepil bersama pada satu bahagian tepi sama ada di bahagian kiri, kanan atau atas, bergantung kepada arah tulisannya.

---

<sup>1</sup> *Grolier Academic Encyclopedia* (1983) 20: 291. Lihat juga Muhammad Shafiq Ghurbāl (1986): 1441 - 1442.

<sup>2</sup> *The New Encyclopaedia Britannica* (1973-1974) 26: 458 - 459.

<sup>3</sup> Period masa antara berakhirnya Empayar Rom pada tahun 476 M hingga munculnya zaman Renaissance pada kurun ke-14 M.

Boleh dikatakan semua buku pada zaman terawal sama ada yang diperbuat daripada tumbuhan atau kulit binatang ditulis menggunakan tangan. Sebelum ada alat tulis seperti pen, pensel dan sebagainya, orang-orang dahulu menggunakan buluh, kayu yang ditajamkan dan daun sebagai alat tulis dengan menggunakan dakwat yang berbagai warna. Buku-buku terawal ini mengandungi penulisan tentang upacara-upacara ibadat seperti bacaan-bacaan sembahyang, doa dan kata-kata jampi mentera; undang-undang dan rekod kerajaan; perubatan dan pemerhatian saintifik dan cerita-cerita rakyat yang diperturunkan melalui lisan.<sup>1</sup>

Perkembangan media cetak melalui titik peralihan penting apabila kertas dicipta oleh seorang berbangsa Cina bernama Ts'ai Lun dalam zaman pemerintahan Maharaja Ho-Ti di China pada tahun 105 M. Setelah itu arus perkembangan bidang ini menjadi lebih signifikan apabila kertas dijadikan satu industri di Baghdad pada tahun 795 M. Setelah hampir 500 tahun selepas itu, industri ini tersebar pula ke Eropah, iaitu di Itali pada tahun 1276 M, kemudian di Perancis pada tahun 1348 M. di German pada tahun 1390 M, dan di England pada tahun 1494 M.<sup>2</sup> Dengan demikian penghasilan media cetak menjadi lebih maju dan produktif.

Penggunaan tulisan berbentuk huruf cetak secara moden bermula pada kurun ke-15 M apabila mesin cetak dicipta oleh Johannes Gutenberg (m. 1468) di Mainz, German sekitar tahun 1450.<sup>3</sup> Beliau yang nama penuhnya Johannes Gensfleisch zur Laden, seorang berbangsa German, menggunakan hasil ciptaan ini untuk mengeluarkan buku-buku yang sangat baik di Mainz, German dalam tahun-

---

<sup>1</sup>*The Encyclopedia Americana* (1993) 4: 221 - 224.

<sup>2</sup>*The World Book Encyclopedia* (1985) 15: 117. Lihat juga *Grolier Academic Encyclopedia* (1983) 15: 68.

<sup>3</sup>*Grolier Academic Encyclopedia* (1983) 15: 551.

tahun 1400. Dalam beberapa tempoh masa sebelum Gutenberg menciptakan alat cetak ini, orang-orang China dan Korea dikatakan telah mempunyai tamadun tersendiri dalam dunia percetakan. Pada masa itu mereka membuat kerja-kerja mencetak tulisan dan gambar dengan menggunakan kayu, tembikar dan logam. Tetapi disebabkan bahasa mereka agak kompleks, dan memerlukan banyak perubahan tulisan menyebabkan kaedah menggunakan alat cetak tidak begitu praktikal. Idea ini kemudiannya lenyap sehinggalah Gutenberg memperkenalkan mesin cetak yang menggunakan huruf-huruf abjad.<sup>1</sup>

Majalah adalah satu lagi jenis media cetak yang turut memberi sumbangan besar dalam perkembangan pemikiran manusia. Asal-usul penerbitan majalah dikatakan berdasarkan daripada penerbitan surat khabar atau katalog-katalog penjual buku.<sup>2</sup> Penerbitan akhbar mempunyai sejarahnya tersendiri dan diusahakan lebih awal. Manakala katalog-katalog penjual buku mula-mula diusahakan di Perancis dalam tahun-tahun 1600 dan kemudiannya berkembang ke negara-negara lain.<sup>3</sup>

Perkataan "*magazine*" yang diterjemahkan sebagai majalah berasal daripada bahasa Perancis iaitu "*magasin*" yang bererti *storehouse*. Ia pertama kali digunakan dalam penerbitan majalah ialah pada tahun 1731 oleh *Gentleman's Magazine* yang diterbitkan di London.<sup>4</sup> Walaupun majalah ini merupakan majalah pertama di dunia yang menggunakan perkataan "*magazine*", namun sebelum itu sudah terdapat terbitan berkala yang boleh dianggap sebagai majalah tertua di dunia. Majalah pertama diterbitkan ialah *Erbauliche Monaths-Unterredungen* (1663-1668),

---

<sup>1</sup> *The World Book Encyclopedia* (1985) 8: 427.

<sup>2</sup> *Ibid.* 13: 38.

<sup>3</sup> *Ibid.* 8: 427.

<sup>4</sup> *The New Encyclopaedia Britannica* (1973-1974) 6: 595.

diterbitkan di German oleh Johann Rist, seorang ahli teologi dan penyajak Hamburg. Tidak lama lepas itu terbit sebuah terbitan mingguan berjudul *Journal des Scavans* (kemudian berubah judul kepada *Journal des Savants*) yang diterbitkan di Perancis pada tahun 1665 oleh Denis de Sallo. Terbitan yang diberhentikan pada 1792 ini menjadi contoh dan ikutan penerbitan-penerbitan majalah selepasnya di Barat terutamanya di benua Eropah.<sup>1</sup>

Akhbar, satu jenis lagi media cetak yang mempunyai pengaruh yang luas. Ia adalah saluran serantaan atau komunikasi luar yang utama bagi manusia memberi liputan tentang peristiwa tempatan, nasional dan antarabangsa. Dari sudut sejarah, penerbitan akhbar mula dikenali sejak kurun ke-17.<sup>2</sup> Walaupun begitu terdapat usaha-usaha awal yang boleh dianggap sebagai pratanda kemunculan akhbar. Surat berita bertulis tangan dikatakan akhbar yang pertama di dunia.<sup>3</sup> Surat berita terawal diketahui ialah *Acta Diurna* iaitu terbitan harian yang mula-mula diterbitkan di Rom oleh Maharaja Julius Caesar dalam tahun 59 SM.<sup>4</sup>

Akhbar bercetak yang pertama di dunia ialah sebuah edaran surat warta pihak berkuasa China yang diterbitkan di Peking dalam tahun-tahun 700 M.<sup>5</sup> Di Eropah dan Amerika, pratanda penerbitan akhbar bermula daripada terbitnya buku-buku berita dan pamflet berita yang berkembang dalam tahun-tahun 1400. Di England, pratanda penerbitan akhbar diketahui apabila sebuah pamflet dikenali sebagai *The Trew Encountre*, diterbitkan dalam bulan September 1513 oleh Richard Fawkes. Penerbitan akhbar yang sebenar dan regular di dunia dikatakan bermula

---

<sup>1</sup> *Grolier Academic Encyclopedia* (1983) 15: 169.

<sup>2</sup> *Ibid.* 14: 171.

<sup>3</sup> *The World Book Encyclopedia* (1985) 14: 304.

<sup>4</sup> *Grolier Academic Encyclopedia* (1983) 11: 454.

<sup>5</sup> *The World Book Encyclopedia* (1985) 14: 304.

dalam tahun-tahun 1605 hingga 1610. Akhbar yang pertama diterbitkan ialah *Nieuwe Tijdinghen* yang diterbitkan pada 1605 di Antwerp, Belgium oleh Abraham Verhoeven. Di England, Thomas Archer telah mengusahakan penerbitan akhbar terawal di Britain yang disebut *Corantos*, iaitu dalam tahun 1621.<sup>1</sup> Di Perancis akhbar terawal ialah *Gazette de France* yang diterbitkan dari tahun 1631 hingga 1917. Di German kebanyakan akhbar terawalnya muncul di bandaraya-bandaraya utamanya, antaranya akhbar *Augsburger Zeitung* diterbitkan pada 1689 dan *Hamburgische Correspondent* pada 1714. Di Amerika pula, akhbar paling tua diterbitkan ialah *Publick Occurrences, Both Foreign and Domestick* yang diterbitkan oleh Benjamin Harris (berasal dari London) di Boston pada tahun 1690.<sup>2</sup> Di Jepun, *Yomiuri Kawara-ban* adalah surat siaran yang menjadi pratanda penerbitan akhbar di Jepun. Ia diterbitkan dalam zaman Edo (1603 - 1867). Akhbar pertama yang sebenar ialah dalam bahasa Inggeris berjudul *Shipping List and Advertiser* yang diterbitkan di Nagasaki pada tahun 1861.<sup>3</sup> Di dunia Arab, surat khabar dikatakan mula lahir selepas serangan Napoleon ke atas Mesir pada tahun 1798 apabila terbit dua buah akhbar berbahasa Perancis pada tahun 1789.<sup>4</sup>

Perkembangan media cetak di Malaysia khususnya majalah dan akhbar bermula kira-kira pada awal abad ke-19. Majalah pertama yang diterbitkan ialah *Bustan Ariffin* dan *Malay Magazine*. Ia diterbitkan dalam tulisan Jawi di Melaka pada tahun 1821 dan dicetak oleh Mission Press.<sup>5</sup> Akhbar pertama diterbitkan ialah *The Prince of Wales Island's Gazette*, diterbitkan dalam tahun 1805 di Pulau

---

<sup>1</sup> *The New Encyclopaedia Britannica* (1973-1974) 26: 473 - 474.

<sup>2</sup> Muhammad Shafiq Ghurbāl (1986): 1115.

<sup>3</sup> *The New Encyclopaedia Britannica*, (1973-1974) 26: 478.

<sup>4</sup> Muhammad Shafiq Ghurbāl (1986): 1115.

<sup>5</sup> A.M. Iskandar Haji Ahmad (1980): 1 - 24.

Pinang dalam bahasa Inggeris.<sup>1</sup> Akhbar berbahasa Cina yang pertama ialah *The Chinese Monthly Magazine*, diterbitkan oleh mualigh Kristian di Melaka pada tahun 1815. Selepas itu terbit *Penang Gazette* pada tahun 1838. Pada tahun 1876 terbit pula surat khabar *Jawi Peranakan*, iaitu akhbar berbahasa Melayu yang pertama. Ia diterbitkan di Singapura dibawah pimpinan Munshi Mohd. Said bin Dada Mohyiddin sehingga tahun 1888.<sup>2</sup>

Selain buku, majalah dan akhbar, terdapat lagi beberapa jenis media cetak yang diterbitkan dengan meluas seperti jurnal, risalah, pamphlet dan sebagainya yang masing-masing mempunyai sejarahnya tersendiri. Semua jenis media cetak ini mempunyai peranan masing-masing dalam kehidupan manusia.

## 1.2. Peranan Media Cetak

Media cetak merupakan alat sebaran am tertua di dunia yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa. Walaupun dengan kemajuan teknologi terkini yang hasilnya tercipta berbagai media komunikasi lain yang lebih hebat, namun media cetak tetap mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan manusia. Perihal pentingnya peranan ini boleh dilihat kepada sirkulasi media tersebut yang telah mengambil ruang lebih tiga perempat daripada kegiatan perhubungan awam di seluruh dunia.<sup>3</sup>

Di pentas antarabangsa, negara-negara Eropah dan Amerika merupakan pengeluar terbanyak media cetak. Dalam bidang buku misalnya, sehingga tahun

---

<sup>1</sup>Mansor Ahmad Saman (1983): 1.

<sup>2</sup>Sulaiman Masri (1983): 61.

<sup>3</sup>Ensiklopedia Malaysiana (1995) 8: 296 - 297.

1500 M sahaja, iaitu setelah lebih kurang 50 tahun mesin cetak diperkenalkan, negara-negara Eropah telah menghasilkan lebih sembilan juta judul buku.<sup>1</sup> Di Amerika pula pada sekitar tahun 1980-an terdapat lebih 32.000 judul buku baru diterbitkan setiap tahun dan mempunyai lebih 150 buah kelab buku.<sup>2</sup> Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Euromonitor, iaitu sebuah syarikat penyelidikan konsumer antarabangsa yang berpejabat di London, nilai jualan buku di Amerika Syarikat pada tahun 1995 ialah AS\$ 25.5 bilion, Jerman AS\$ 10 bilion, United Kingdom AS\$ 3.7 bilion dan Perancis AS\$ 3.4 bilion.<sup>3</sup> Bagi negara-negara Asia, Jepun dan Korea merupakan negara terbanyak menerbitkan buku. Korea Selatan mengeluarkan 30.000 judul buku setahun, manakala Jepun menerbitkan 28.000 judul buku setahun.<sup>4</sup> Daripada kajian yang dibuat oleh Euromonitor, dalam tahun 1995 nilai jualan buku di Jepun ialah berjumlah AS\$ 10.5 bilion, Korea Selatan AS\$ 2.7 bilion, Taiwan AS\$ 665 juta, Thailand AS\$ 86.9 juta, Singapura AS\$ 264.2 juta dan Australia sekitar AS\$ 1.2 bilion.<sup>5</sup>

Di Malaysia, buku-buku dikeluarkan agak rendah berbanding beberapa negara seperti yang disebutkan di atas. Menurut satu kajian, kadar pengeluaran buku di Malaysia setiap tahun semenjak dari tahun 1980 ialah antara 2,000 hingga 3,000 judul setahun.<sup>6</sup> Pada tahun 1995 nilai jualannya ialah AS\$ 70.9 juta.<sup>7</sup> Di Malaysia, buku-buku diterbitkan oleh banyak pihak termasuk agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan-pertubuhan. Antara penerbit yang dianggap berwibawa ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang menjadi penerbit kerajaan. Sejak

---

<sup>1</sup>*The New Encyclopaedia Britannica* (1973-1974) 26: 462.

<sup>2</sup>*Grolier Academic Encyclopedia* (1983) 3: 385 - 386.

<sup>3</sup>Baharom Mahusin (1996): 6.

<sup>4</sup>Hassan Ahmad (1988): 372.

<sup>5</sup>Baharom Mahusin (1996): 6.

<sup>6</sup>Hassan Ahmad (1988). 372.

<sup>7</sup>Baharom Mahusin (1996): 6.

ditubuhkan sehingga tahun 1991, DBP telah menerbitkan 3,596 judul buku dalam pelbagai bidang.<sup>1</sup>

Dalam penerbitan majalah pula, sumber daripada Ayer Directory of Publication, IMS Press melaporkan, sehingga tahun 1983 di Amerika Syarikat terdapat lebih kurang 16,500 jenis majalah, melebihi jumlah di negara-negara lain. Antara majalah yang mempunyai jumlah edaran yang tertinggi ialah *Reader's Digest* iaitu 18,171,628 setiap keluaran, *TV Guide* 17,516,896 dan *National Geographic* 10,474,030.<sup>2</sup> Di Britain, daripada majalah-majalah yang diterbitkan, majalah wanita adalah antara yang mendapat sambutan hangat di kalangan pembaca. Antara majalah wanita yang mempunyai edaran tertinggi bagi setiap keluaran pada enam bulan kedua tahun 1990 ialah *Bella* 1,191,189 naskhah, *Woman's Weekly* 1,067,382 naskhah, dan *Take a Break* 924,634 naskhah. Di Sepanyol, majalah wanita juga mendapat sambutan hangat. Majalah yang paling diminati ialah *Hello*. Pada akhir tahun 1990, majalah ini habis dijual 346,540 naskhah dalam masa seminggu, iaitu meningkat 44 peratus daripada tahun sebelumnya.<sup>3</sup> Di Malaysia, sehingga tahun 1995, terdapat 65 judul majalah dan jurnal diterbitkan. Daripada angka tersebut, 49 judul adalah dalam bahasa Malaysia, lapan dalam bahasa Inggeris, lima dalam bahasa Cina, dua dalam bahasa Iban dan sebuah dalam bahasa Inggeris bercampur bahasa Malaysia.<sup>4</sup>

Dalam penerbitan akhbar pula, terdapat lebih 8,000 judul akhbar harian di seluruh dunia dalam kurun ke-20 ini. Di negara-negara maju terdapat sebanyak

---

<sup>1</sup>Hamedy Mohd. Adnan (1996): 43.

<sup>2</sup>The World Book Encyclopedia (1985) 13: 41.

<sup>3</sup>Hutchinson Gallup (1991): 293.

<sup>4</sup>Berita Publishing Sdn. Bhd. (1996): 115.

4.700 judul dengan jumlah edarannya 366 juta, di negara-negara membangun sebanyak 3.510 judul dengan jumlah edarannya 77 juta, di Amerika Syarikat sebanyak 1,829 judul dengan jumlah edarannya 62 juta dan di Asia (kecuali China, Korea dan Vietnam) sebanyak 2,380 judul dengan jumlah edarannya 107 juta.<sup>1</sup>

Di Malaysia, pada tahun 1995, terdapat 78 judul akhbar diterbitkan. Sejumlah 52 judul diterbitkan di Semenanjung, manakala bakinya ialah 11 judul di Sabah dan 15 judul di Sarawak. Di Semenanjung terdapat 21 judul akhbar dalam bahasa Melayu, 11 judul dalam bahasa Inggeris, 12 judul dalam bahasa Cina, enam judul dalam bahasa Tamil dan dua judul dalam bahasa Punjabi. Di Sabah terdapat tujuh judul akhbar dalam bahasa Cina dan empat judul dalam bahasa Inggeris. Di Sarawak akhbar-akhbar yang diterbitkan adalah satu judul dalam bahasa Melayu, enam judul dalam bahasa Inggeris dan lapan judul dalam bahasa Cina.<sup>2</sup>

Antara kalangan akhbar-akhbar yang diterbitkan di Malaysia, *Berita Harian* adalah sebuah akhbar bertulisan Rumi yang mempunyai bilangan pembaca paling ramai di negara ini. Berdasarkan kajian Survey Research Malaysia (SRM) pada tahun 1991, bilangan pembaca akhbar ini ialah 1.74 juta orang dalam sehari.<sup>3</sup> Dalam bahasa Inggeris pula, antara akhbar yang berpengaruh ialah *New Straits Times* dengan jualan sekitar 200,000 naskhah setiap keluaran. Akhbar mingguannya iaitu *Sunday Times* pula mencapai jualan 250,000 naskhah setiap keluaran. Antara akhbar bahasa lain yang paling berpengaruh ialah *Nanyang Siang Pau* dan *Sin Chew Jit Poh* iaitu akhbar-akhbar harian berbahasa Cina. *Nanyang*

---

<sup>1</sup>*Grolier Academic Encyclopedia* (1983)14: 171.

<sup>2</sup>Berita Publishing Sdn. Bhd. (1996): 115.

<sup>3</sup>*Ensiklopedia Malaysiana* (1995) 2: 445.

*Siang Pau* mempunyai edaran 143.500 naskhah setiap keluaran manakala *Sin Chew Jit Poh* mempunyai edaran 115,000 naskhah setiap keluaran.<sup>1</sup>

Dari sudut kegunaannya, media cetak diterbitkan mempunyai tujuan yang berbagai. Kegunaan terpenting dan asasi sekali ialah menyampaikan berita dan maklumat dalam apa jua bidang.<sup>2</sup> Selain guna menyampaikan berita dan maklumat, media cetak juga digunakan untuk membentuk pendapat umum.<sup>3</sup> Selalunya matlamat ini dimainkan sepenuhnya oleh pihak yang memiliki sesebuah media atau pemerintah sesebuah kerajaan.<sup>4</sup> Selain itu media cetak digunakan juga dalam bidang pendidikan mencakupi unsur-unsur obligasi guru-guru untuk melengkapkan para pelajar dengan arahan-arahan yang tetap dan dapat diikuti oleh para pelajar berdasarkan objektif-objektif pengajaran yang ditetapkan.<sup>5</sup> Selain dalam bidang pendidikan, media cetak juga digunakan secara meluas untuk memberi perkhidmatan kepada sesebuah pemerintah dengan menyediakan maklumat, perbincangan dan perdebatan mengenai hal ehwal awam. Dalam hubungan ini Everett Rogers, seorang pakar sosiologi desa berkata bahawa sumber-sumber impersonal yakni media massa, paling penting di peringkat kesedaran apabila individu terdedah kepada pembaharuan walaupun mereka kurang maklumat lengkap tentangnya.<sup>6</sup>

---

<sup>1</sup>Ibid. 9: 108.

<sup>2</sup>Lerner and Wilbur Schramm (eds.) (1967): 317.

<sup>3</sup>Husain 'Abd al-Hamīd Aḥmad Rishwān (1987): 299.

<sup>4</sup>Muhammad Uthman El-Muhammady (1978): 4.

<sup>5</sup>Fatimah binti Ali (1980): 6.

<sup>6</sup>Rogers (1962): 47.

Dalam bidang ekonomi pula, media cetak berfungsi menyiaran berita-berita mengenai kegiatan perekonomian tempatan sehinggalah ke perdagangan antarabangsa<sup>1</sup> dan digunakan sebagai satu kegiatan mencari untung dari segi kewangan. Misalnya *The New York Times*, sebuah akhbar yang sangat berpengaruh di Amerika, ia didokongi oleh beberapa syarikat korporat yang besar, iaitu Morgan Guaranty Trust, Bristol Mayers, Charter Oil, John Manville, American Express, Bethlehem, IBM, Scott Paper, Sun Oil dan First Boston Corporation. Matlamat perkongsian ini ialah untuk menambah harta sebanyak yang boleh.<sup>2</sup> Media cetak juga boleh terlibat dalam mewujudkan suasana yang boleh menjelaskan kesejahteraan masyarakat dan keselamatan negara dengan dijadikan sebagai saluran untuk menyemarakkan semangat perkauman, memfitnah, propaganda, menyerang dan merosakkan sesuatu kepercayaan.<sup>3</sup> Contohnya Salman Rushdie telah menulis sebuah buku berjudul *Satanic Verses* (*Ayat-ayat Syaitan*) yang antara kandungannya memaparkan isteri-isteri Rasulullah (s.a.w.) sebagai pelacur, memburuk-burukkan Nabi Ibrahim dan menyebut Nabi Muhammad dengan nama "Mahound", iaitu gelaran yang telah digunakan oleh musuh-musuh Islam sejak beberapa kurun yang lalu.<sup>4</sup> Selain itu, penyebaran nilai-nilai sekularisme dalam masyarakat umat Islam melalui media cetak merupakan satu perkara yang paling mencabar kepada Islam. Menurut Khurshid Ahmad, media-media Barat memainkan peranan yang dominan dalam membentuk dan menentukan arah haluan dan tingkah laku sekular di seluruh dunia.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup>Macnamara (1992): 71 - 72.

<sup>2</sup>Bagdikian (1990): 25.

<sup>3</sup>H.M. Tuah Iskandar (1990): 120.

<sup>4</sup>Ala'eddin Kharofa (1993): 33.

<sup>5</sup>Khurshid Ahmad (1980): 27 - 38.

peranan yang agak besar menyajikan hiburan kepada pembaca.<sup>1</sup> Dalam konteks ini, Joseph Turow telah menyatakan hiburan ialah satu usaha yang diuruskan untuk menarik minat sasaran bagi memberi kepuasan seseorang atau mendapat keuntungan melebihi matlamat-matlamat pendidikan, pengetahuan, politik dan pengiklanan.<sup>2</sup> Di samping itu, media cetak juga digunakan sebagai alat untuk menyebarluaskan sesuatu fahaman, tujuannya untuk memberi penerangan, mengukuhkan pengetahuan dan pengaruh terhadap agama, kepercayaan atau fahaman yang didokongnya. Dalam konteks Islam, media cetak mempunyai kegunaan besar menyampaikan dakwah kepada seluruh manusia, iaitu menjadi wasilah dalam memberi penjelasan berkenaan ajaran Islam supaya ia dapat difahami dan dihayati dengan sebenarnya.

Daripada penjelasan di atas, jelas menunjukkan bahawa media cetak telah tersebar luas di seluruh dunia. Ia mempunyai kepelbagaiannya jenis seperti buku, majalah, akhbar dan sebagainya yang digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu. Sebagai alat yang membawa sesuatu mesej kepada manusia, maka matlamat yang ingin dicapai adalah bergantung kepada penggunaannya. Jika ia dibentuk dan digunakan dengan cara yang baik, maka kebaikan yang akan dicapai. Sekiranya ia direkabentuk dan digunakan secara yang tidak baik, maka buruklah hasilnya.<sup>3</sup> Ini menunjukkan besarnya peranan yang dimainkan oleh media cetak dalam kehidupan manusia.

---

<sup>1</sup>Macnamara (1992): 71 - 72.

<sup>2</sup>Turow (1992): 165.

<sup>3</sup>Mohd. Nakhaic Hj. Ahmad (1978) : 4.

### **1.3. Peranan Media Cetak Dalam Dakwah**

Islam adalah agama Allah. Allah berkuasa penuh sama ada untuk meninggikan agama-Nya atau sebaliknya untuk merendahkannya tanpa campur tangan manusia. Tetapi oleh kerana agama ini telah diamanahkan kepada manusia<sup>1</sup>, maka seluruh manusia amnya dan orang Islam khususnya bertanggungjawab meninggikannya sehingga sampai ke tahap yang sebenar.<sup>2</sup> Salah satu cara manusia meninggikan agama Allah ialah dengan menyampaikan seruan dakwah melalui media cetak.

Perkataan "dakwah" berasal daripada bahasa Arab. Kata akarnya ialah "*da`ā*" yang antara pengertiannya ialah seruan, panggilan atau ajakan,<sup>3</sup> iaitu seruan kepada jalan Allah<sup>4</sup> dengan penyaksian bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, Tuhan Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya.<sup>5</sup> Seruan itu hendaklah berpandukan hidayah Allah, melaksanakan hukum dan peraturan di atas muka bumi ini mengikut ketetapan Allah, mentauhidkan-Nya dengan mengabdikan diri, memohon pertolongan dan beribadat dengan ikhlas kepada-Nya sahaja,<sup>6</sup> menyuruh dengan yang baik (*ma`rūf*) dan melarang perkara-perkara mungkar dan berjihad ke jalan Allah.<sup>7</sup> Seruan ke jalan Allah juga bererti percaya kepada keesaan Allah, percaya kepada malaikat, kitab, rasul, hari kiamat dan qada' dan qadar.<sup>8</sup> Hasil mengikuti jalan ini akan disediakan ganjaran syurga.<sup>9</sup> Jelasnya asas

---

<sup>1</sup>Lihat *al-Qur'an*, al-Aḥzāb 33: 72.

<sup>2</sup>Ab. Aziz Mohd. Zin (1991): 116.

<sup>3</sup>Ibn Manzūr (t.th.) 14: 281 - 288.

<sup>4</sup>Lihat *al-Qur'an*, Yūsuf 12: 108.

<sup>5</sup>Ibn Kathīr (1969) 2: 495.

<sup>6</sup>Al-Mārāғī (1974) 5: 52.

<sup>7</sup>Al-Qarādāwī (1980): 5 - 6.

<sup>8</sup>Husaini (1984): 18.

<sup>9</sup>Al-Qurtubī (t.th.) 4: 3503.

pemusatkan tema dan objektif dakwah ini ialah untuk membolehkan manusia mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.<sup>1</sup>

Penggunaan media cetak dalam konteks dakwah adalah sebahagian daripada usaha menyeru manusia supaya mengikut ajaran Islam dan menghayatinya dalam segala aspek kehidupan sehingga segala sesuatu di dalam kehidupan itu benar-benar merupakan terjemahan praktik dari seluruh ajaran Islam. Manusia yang menjadi sasaran dakwah ialah makhluk sebaik-baik kejadian.<sup>2</sup> Ia dikurniakan akal yang dapat membezakan baik dan buruk. Namun begitu kemampuan akal manusia terbatas sebab ia menilai sesuatu mengikut nilai yang ada pada dirinya sahaja dan sentiasa berubah-ubah. Selain dikurniakan akal, manusia juga mempunyai kehendak, perasaan, hawa nafsu, rasa marah, suka, duka, kasih, benci, hasad, dendki dan lain-lain. Perasaan-perasaan ini pada asalnya adalah baik, tetapi akan menjadi buruk apabila didorong oleh iblis dan syaitan sehingga menjadi penyakit dalam jiwa manusia yang boleh menyebabkan berlaku berbagai kejahatan dan kerosakan di atas muka bumi ini. Maka dengan itu, manusia perlu kepada bimbingan dan pimpinan untuk memandu mereka ke jalan kebenaran.<sup>3</sup>

Peranan media cetak dalam dakwah dapat dilihat kepada dua aspek. Aspek pertama ialah dari sudut sejarah, iaitu kegiatan penulisan yang berlaku pada zaman permulaan Islam. Aspek ini perlu ditinjau kerana ia merupakan asas kepada usaha dakwah yang dilakukan melalui media cetak ini pada zaman-zaman selepasnya sehinggalah sekarang. Aspek kedua pula ialah dari sudut penghasilan media cetak itu sendiri yang merangkumi jenis-jenisnya, kuantiti dan kualitinya.

---

<sup>1</sup>Shaukat Ali (1996) 13: 225.

<sup>2</sup>Lihat *al-Qur'ān*, al-Tīn 95: 4.

<sup>3</sup> Abd al-Karīm Zaydān (1981): 404.

### **1.3.1. Latar Belakang Kegiatan Penulisan Pada Zaman Permulaan Islam**

Pada zaman permulaan Islam bahan-bahan bertulis yang dihasilkan untuk tujuan menyebarkan ajaran Islam mempunyai asas dan kaitan dengan tamadun bangsa Arab yang wujud sebelum itu. Di Semenanjung Tanah Arab, penemuan-penemuan arkeologi pada abad ke-18 M dan 19 M menunjukkan wujudnya tamadun manusia dengan kepelbagaiannya bahasa pada kira-kira 1400 SM. Bangsa-bangsa dan bahasa-bahasa itu mempunyai ciri-ciri persamaan antara satu dengan lain menyebabkan para sarjana Perjanjian Lama membuat kesimpulan bahawa mereka tergolong dalam satu keluarga demografi dan menamakannya sebagai Semit.<sup>1</sup>

Semenjak tercipta tulisan, orang Semit merupakan orang yang pertama menghasilkan penulisan-penulisan prosa, sastera dan puisi serta mengambil inisiatif menuliskannya dan memeliharanya dengan mengecap di atas tanah liat untuk generasi-generasi selepasnya. Mereka lah yang pertama sekali membuat perpustakaan atau "*edubba*" sebagai tempat untuk mengumpulkan koleksi mereka yang banyak tentang sains, perdagangan dan sejarah di samping teks-teks sastera,

---

<sup>1</sup>Bahasa Semit ialah merangkumi bahasa-bahasa Akkadia atau Babylon, Assyria, Aramaik, Syria, Madain, Nabaten, Samaritan, Palmyra, Phoenicia, Sabak atau Himyar dan Geez atau Habsyah, Yahudi dan Arab. Istilah Semit ini dicipta oleh sarjana Kitab Perjanjian Lama abad ke-18 yang mula-mula menyedari akan kewujudan manusia, bahasa dan tamadun Semit selain Ibrani, Arab dan Habsyah berikutan penemuan arkeologi di wilayah Kawasan Hilal Subur. Dengan berpandukan salasilah Perjanjian Lama (Genesis 10) John Gottfried Eichhorn telah memberikan nama "Semit" kepada keturunan Sem atau Shem, anak Nabi Nuh. Beliau juga menganggap mereka yang berketurunan Semit terdiri daripada orang Ibrani, keturunan Nabi Ishak, anak Nabi Ibrahim, orang Arab yang keturunan Nabi Ismail, abang Nabi Ishak dan semua penduduk purba Asia Dekat yang bertutur dalam rumpun bahasa Ibrani, Arab dan juga bahasa-bahasa lain yang kebanyakannya kini sudah tiada lagi yang digolongkan sebagai bahasa Semit. Lihat Ismail R. al-Faruqi dan Lois Lamya' al-Faruqi (1992): 10, 23 dan 24.

agama dan perundangan.<sup>1</sup> Bukti-bukti penguasaan penulisan dan pembacaan oleh orang-orang Arab kemudiannya dapat dikenal pasti melalui penemuan-penemuan tulisan batu-batu bertulis yang dihasilkan pada kurun ke-3 M seperti batu bertulis bertarikh 210 M yang dijumpai di Wadi al-Maktab, batu bertulis bertarikh 230 M yang dijumpai di Wadi Furan, kedua-duanya terletak di Semenanjung Turisina dan lain-lain batu bertulis yang ditemui kemudiannya yang kebanyakannya dijumpai di sebelah utara Semenanjung Arab. Daerah-daerah di sini dianggap lebih maju daripada daerah-daerah lain kerana ia mempunyai hubungan rapat dengan negara-negara yang telah maju seperti Farsi dan Rom.<sup>2</sup>

Apabila Islam datang pada kurun ke-7 M, sudah terdapat orang-orang Arab yang pandai menulis dan membaca. Menurut al-Balādhuri<sup>3</sup>, terdapat 17 orang yang pandai menulis pada masa itu iaitu Abū Hudhayfah bin `Utbah (m. 11 H), Abbān bin Sa`īd (m. 13 H), Khālid bin Sa`īd (m. 15 H), Yazīd bin Abū Sufyān (m. 18 H), Abū `Ubaydah bin al-Jarrah (m. 18 H), al-Ālā bin al-Hadramī (m. 23 H), `Umar bin al-Khattāb (m. 23 H), Abū Sufyān bin Ḥarb bin Umaiyyah (m. 31 H), `Uthmān bin `Affān (m. 35 H), Ṭalḥah bin `Ubaydillāh (m. 36 H), `Abdullāh bin Sa`d (meninggal dunia sebelum pembunuhan `Uthmān), `Alī bin Abū Ṭālib (m. 40 H), Huwaytab bin `Abd al-`Izzā (m. 54 H), Mu`āwiyah bin Abū Sufyān (m. 60 H), Juhaym bin al-Salt, Hātib bin `Amr (saudara Suhayl bin `Amr al-`Amīrī) dan Abū Salamah bin `Abd al-Asad al-Makhzūnī.<sup>3</sup> Namun demikian ada pendapat lain mengatakan bilangan orang-orang yang pandai menulis dan membaca pada masa itu adalah lebih daripada itu memandangkan kedudukan Kota Mekah yang begitu

---

<sup>1</sup>*Ibid.*: 29.

<sup>2</sup>Muhammad Ajjāj al-Khaṭīb (1971): 295.

<sup>3</sup>Al-Balādhuri (1959): 457.

penting. Antara yang mengatakan demikian ialah Muhammad `Ajjāj al-Khaṭīb<sup>1</sup> dan Subḥī al-Sāliḥ.<sup>2</sup>

Situasi pada zaman permulaan Islam yang memperlihatkan orang-orang Arab lebih menonjol dalam bidang hafalan menyebabkan orang-orang yang pandai membaca dan menulis terpaksa menyembunyikan kebolehan tersebut. Oleh itu kegiatan penulisan kurang ditumpukan dan tidak mengalami perkembangan yang rancak.<sup>3</sup> Walaupun begitu kedatangan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad (s.a.w.)<sup>4</sup> (m. 632 M) telah meletakkan satu asas kukuh dalam bidang ini apabila wahyu pertama yang diturunkan kepada baginda (s.a.w.) ialah ayat-ayat berkaitan pembacaan.<sup>5</sup> Di samping asas yang telah ditanamkan oleh wahyu pertama itu, soal penulisan juga telah tercetus dalam dakwah yang dilaksanakan oleh Rasulullah (s.a.w.). Sungguhpun baginda seorang yang ummi, tetapi kerana kepentingan media tulis ini dalam perhubungan manusia maka baginda menggalakkan para sahabat belajar menulis. Misalnya setelah berlaku peperangan Badar, setiap tawanan perang yang tahu menulis dan membaca diperintahkan mengajar sepuluh orang anak orang Islam untuk menebus diri daripada menjadi tawanan orang Islam.<sup>6</sup> Dengan demikian, kalangan orang-orang Islam yang pandai menulis dan membaca semakin bertambah. Antara sahabat yang pandai menulis dan membaca pada zaman permulaan Islam ini ialah al-Mundhir bin `Amr (m. 4 H), Bashīr bin

<sup>1</sup>Muhammad `Ajjāj al-Khaṭīb (1971): 296.

<sup>2</sup>Subḥī al-Sāliḥ (1969): 14 - 15.

<sup>3</sup>Al-Asfahānī (t.th.) 16: 116.

<sup>4</sup>Muhammad (s.a.w.) dibangkit sebagai nabi dan rasul dengan membawa risalah Islam iaitu agama yang diredar Allah (lihat *al-Qur'ān*, Al-'Imrān 3: 19) untuk membawa rahmat dan nikmat yang besar kepada seluruh alam (lihat *al-Qur'ān*, al-Anbiyā' 21: 107). Detik bermulanya kebangkitan baginda membawa risalah suci ini ialah apabila baginda menerima wahyu pertama di gua Hira' pada tahun 610 M, ketika itu baginda berusia 40 tahun. Lihat Ibn Kathir (1976M) 1: 385.

<sup>5</sup>Lihat *al-Qur'ān*, al-'Alaq 96: 1 - 5.

<sup>6</sup>Khairuddin Hj. Muhammad (1979) 2: 186.

Sa`d (m. 12 H), Sa`d bin al-Rabi<sup>1</sup> (m. 3 H), Ma`nūn bin `Ādī al-Balāwī (m. 12 H), Sa`d bin `Ubādah bin Dulaym (m. 15 H), Rafī` bin Mālik (m. 20 H), Usayd bin Hudāir (m. 20 H), Ubay bin Ka`b (m. 22 H), Aws bin Khawālī (meninggal dunia pada masa khalifah `Uthmān), Zayd bin Thābit (m. 45 H) dan `Abdullāh bin Ubay al-Munāfiq. Selain orang lelaki, terdapat juga golongan wanita yang pandai menulis dan membaca, antaranya al-Shifā' binti `Abdullāh, Hafṣah isteri Rasulullah (s.a.w.), Umm Kalthūm binti `Uqbah, Karīmah binti al-Miqdād dan `Ayshah binti Sa`d.<sup>2</sup>

Pada zaman permulaan Islam, kegiatan penulisan yang utama ialah tertumpu kepada penyalinan al-Qur'an. Ia telah dilakukan melalui tiga peringkat masa. Peringkat pertama dilakukan pada zaman Rasulullah (s.a.w.), peringkat kedua dilakukan pada zaman Abū Bakr al-Šiddīq (r.a.) (m. 634 M), dan peringkat ketiga dilakukan pada zaman `Uthmān bin `Affān (r.a.) (m. 656 M). Pada zaman Rasulullah (s.a.w.), setiap kali wahyu turun kepada baginda, beberapa orang penulis iaitu empat orang *Khulafā' al-Rāshidīn*, Mu`āwiyah (m. 680 M), Zayd bin Thābit dan Qays dipanggil untuk mencatat segala butir wahyu itu. Penulisan wahyu-wahyu itu dilakukan di atas kepingan-kepingan kulit, daun, batu, pelepas tamar, tulang-tulang unta dan biri-biri yang telah kering, kepingan-kepingan kayu dan kertas. Penyusunan penulisan ini adalah secara *tawqīfī* iaitu mengikut petunjuk dan arahan daripada Nabi (s.a.w.).<sup>2</sup>

Penulisan dan penyusunan al-Qur'an telah pun lengkap pada zaman Rasulullah (s.a.w.), tetapi tidak tersusun dalam bentuk kitab. Pada zaman Saidina

---

<sup>1</sup> Al-Balādhuri (1959): 459.

<sup>2</sup> Al-Suyūtī (1978) 1: 76 - 79. Lihat juga Ibrāhīm al-Abyārī (l.th.): 102.

Abū Bakr al-Šiddīq (r.a.), beliau telah berusaha mengumpul al-Qur'an keseluruhannya dengan keadaan tersusun segala ayatnya.<sup>1</sup> Dalam pemerintahan Saidina `Uthmān bin `Affān (r.a.) pula, al-Qur'an disalin semula daripada naskhah asal yang disimpan oleh Hafṣah binti `Umar (m. 665 M) di sebabkan oleh berlakunya perbezaan bacaan di kalangan sebahagian umat Islam. Kerja-kerja penyalinan dilakukan oleh Zayd bin Thābit, `Abdullāh bin Zubayr (m. 682 M), Sa`īd bin al-`Āṣ dan `Abd al-Rahmān bin al-Hārith bin Hishām. Setelah selesai disalin, naskhah yang asal dikembalikan kepada Hafṣah dan naskhah-naskhah yang telah disalin itu diedar ke seluruh negara. Naskhah-naskhah yang lain diarahkan supaya dibakar.

Selain penulisan al-Qur'an, satu aspek penulisan lain yang penting pada zaman permulaan Islam ialah penulisan hadith. Pada peringkat awalnya, iaitu pada zaman Rasulullah (s.a.w.), baginda melarang para sahabat menulis hadith, kerana ditakuti bercampur antara hadith dengan al-Qur'an.<sup>2</sup> Walaupun Rasulullah (s.a.w.) tidak memerintahkan orang supaya menulis hadith pada masa hayat baginda, namun ada beberapa orang sahabat telah menulis hadith pada masa itu setelah mendapat keizinan khusus daripada baginda. Antara mereka ialah Sa`d bin `Ubādah (m. 15 H), Samurah bin Jundub (m. 60 H), Jābir bin `Abdullāh (m. 78 H), `Abdullāh bin `Amr al-`Āṣ (m. 65 H), Abū Rafī` (hamba Rasulullah yang dibebaskan, m. 35 H), seorang Ansar (tidak diketahui namanya) dan Abū Shāh.<sup>3</sup> Keadaan ini menunjukkan penulisan hadith tidaklah begitu banyak dan menonjol pada zaman

---

<sup>1</sup>Kerja-kerja pengumpulan ini dilakukan selepas peperangan Yamamah pada tahun 12 H apabila ramai penghafaz al-Qur'an terkorban dalam peperangan tersebut. Usaha ini adalah atas idea inovatif Saidina `Umar al-Khattāb. Zayd bin Thābit telah ditugaskan menulisnya sehingga sempurna disiapkan dalam jangka waktu lebih kurang setahun. Dari situdah terhasilnya naskhah pertama kitab suci al-Qur'an. Lihat Nurcholis Majid (1992): 4.

<sup>2</sup>Al-Sibā'ī (1951): 71 - 72.

<sup>3</sup>Subḥī al-Sāliḥ (1981): 23 - 28.

Rasulullah (s.a.w.). Penulisan hadith secara lebih luas ialah pada zaman *Sahābat* (11 H - 100 H), seterusnya dilengkapkan pada zaman *Tābi‘īn* dan *Atba‘ al-Tābi‘īn* (100 H - 220 H) dan zaman *Atba‘ Atba‘ al-Tābi‘īn* (220 H - 300 H).<sup>1</sup>

Selain kegiatan penulisan al-Qur'an dan hadith, usaha-usaha yang berkaitan dengan penulisan pada zaman permulaan Islam ini ialah penulisan surat-surat. Rasulullah (s.a.w.) pernah menyuruh penulis-penulisnya menulis surat-surat rasmi, surat-surat perjanjian, surat-surat mengenai cukai, surat-surat dakwah dan lain-lain. Surat-surat dakwah yang penting ialah surat-surat Rasulullah (s.a.w.) kepada raja-raja bukan Islam yang menyeru mereka memeluk Islam. Perutusan surat-surat ini mula dilakukan oleh baginda ialah pada akhir tahun ke-6 H, iaitu selepas Perjanjian Hudaybiyah dimeterai. Antara surat yang dikeluarkan oleh Rasulullah (s.a.w.) ialah surat kepada sembilan orang maharaja atau gabenor; iaitu Hirqal (Heraclius), Qaysar (raja) Rom; Kisrā (raja) Farsi; al-Najāshī, raja Habshah (Ethiopia); al-Muqawqīs, raja Iskandariyyah (gabenor Romawi di Mesir); Jaifar dan `Iyād bin al-Julunday al-Azdiyain, raja `Umman; Thumāmah bin Uthāl dan Hudhah bin `Alī al-Hanafiyain, raja Yamamah; al-Mundhir bin Sāwā al-`Abdiy, raja Bahrain; al-Hārith bin Abū Shamr al-Ghassāniy, raja Takhum al-Sham; dan al-Hārith bin `Abd Kulāl al-Himyārī, raja Yaman.<sup>2</sup>

Pada zaman permulaan Islam juga, syair turut meletakkan satu tanda dalam perkembangan dakwah melalui media cetak. Walaupun pada asalnya syair diungkapkan secara lisan, namun terdapat syair-syair yang ditulis. Pada zaman sebelum Islam misalnya, syair-syair yang baik ditulis dengan tinta emas dan

---

<sup>1</sup>Ibn 'Abd al-Barr (1968) 1: 91 - 92.

<sup>2</sup>Ibn Hishām (t.th.) 5: 13 - 16.

digantung di Kaabah. Salah sebuah antologi syair yang terkenal ialah *al-Mu'allaqāt* yang digubah pada kurun ke-6 M.<sup>1</sup> Syair-syair dakwah yang dihasilkan oleh penyair-penyair Islam juga telah dikumpul dan direkod sebagai tanda penglibatan bidang ini dalam dakwah di samping menjadi satu cabang kesusasteraan Islam. Syair-syair yang baik dapat memberi kesan yang mendalam dalam jiwa manusia, boleh mendorong ke arah jihad, menggalakkan orang-orang berbelanja pada jalan Allah dan lain-lain perkara kebaikan.<sup>2</sup> Penyair-penyair yang mempertahankan sikap dan pengajaran yang baik mendapat sanjungan tinggi seperti Hasan bin Thābit yang pernah dipuji oleh Rasulullah (s.a.w.) kerana sikap baiknya dan pandangannya yang suci.<sup>3</sup>

Daripada penjelasan di atas, dapatlah difahami bahawa kegiatan penulisan yang berlaku pada zaman permulaan Islam menunjukkan sudah wujud peranan yang dimainkan oleh media cetak dalam dakwah. Ia juga menjadi asas penting kepada perkembangan bidang ini pada zaman-zaman selepasnya.

### **1.3.2. Penghasilan Media Cetak Dakwah Dan Peranannya**

Satu lagi sudut yang boleh ditinjau untuk memperlihatkan peranan media cetak dalam dakwah ialah dengan menganalisa penghasilan jenis-jenis media cetak itu sendiri. Peri pentingnya sesuatu jenis media cetak seperti surat, karya kesusasteraan, kitab, buku, penulisan rencana, majalah, jurnal dan seumpamanya

---

<sup>1</sup> "Al-Mu'allaqāt" bermaksud sesuatu yang digantungkan. Antologi ini mengandungi tujuh buah syair yang digubah oleh tujuh orang penyair Arab pra-Islam iaitu Imr' al-Qays, Tarafah, Zuhayr, Labid, 'Amr ibn Kulthūm, 'Antarah dan al-Hārit ibn Hilizah. Syair-syair ini telah memenangi satu pertandingan mengubah syair yang diadakan di pasar Ukaz yang terletak tidak jauh dari kota Mekah. Lihat Nurazmi Kuntum (1991): 2.

<sup>2</sup> Husain `Abd al-Ḥamīd Ahmād Rishwān (1987): 177.

<sup>3</sup> Hasan Ibrāhīm Hasan (1991) 1: 412.

dalam peranannya menyampaikan dakwah adalah bergantung kepada keadaan masa dan tempat.

Seperi yang telah disebutkan sebelum ini, antara penulisan yang penting dan telah digunakan untuk mengembangkan seruan Islam ialah surat-surat dakwah daripada Rasulullah (s.a.w.) kepada ketua-ketua negara bukan Islam seperti yang telah disebutkan di atas. Dalam surat-surat tersebut, Rasulullah (s.a.w.) telah menyeru pembesar-pembesar berkenaan supaya menerima Islam, iaitu menyembah Allah dan beriman dengan-Nya. Untuk mengetahui lebih jelas kandungan surat tersebut, sila lihat sepucuk surat Rasulullah (s.a.w.) yang ditujukan kepada al-Mundhir bin Sāwā, Raja Bahrain yang bermaksud :

*"Dengan Nama Allah yang Amat Pemurah lagi Amat Mengasihani. Daripada Muhammad Rasulullah kepada al-Mundhir bin Sāwā. Mudah-mudahan keselamatan tetap atas anda. Bahawasanya aku memanjatkan puji-pujian bersama anda kepada Allah yang tiada tuhan yang patut disembah melainkan Dia, dan aku bersaksi bahawa tiada tuhan yang patut disembah melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu hamba-Nya dan pesuruh-Nya. Kemudian, sesungguhnya aku mengingatkan anda kepada Allah `Azza wa Jalla kerana sesungguhnya sesiapa yang setia, maka kesetiaannya itu berguna bagi dirinya, dan sesiapa patuh kepada utusan-utusanku dan mengikuti perintahnya, maka bererti ia taat kepadaku, dan sesiapa setia kepada mereka bererti ia setia kepadaku. Sesungguhnya utusan-utusanku telah memuji anda dengan pujian yang baik, dan sesungguhnya aku telah memberi kuasa kepada anda untuk membela kaum anda, dan biarkanlah mereka bekerja sesuai dengan pekerjaan mereka sewaktu mereka memeluk Islam, dan aku telah memaaafkan kesalahan-kesalahan mereka yang dilakukan sebelum mereka memeluk Islam, oleh itu terimalah mereka. Dan sesungguhnya selama anda berbuat baik, maka anda tidak akan kami berhentikan daripada jawatan anda, dan sesiapa yang mahu tetap pada agamanya semula, baik Yahudi atau Majusi, maka ia dikehendaki membayar jizyah."<sup>1</sup>*

---

<sup>1</sup> Salinan surat tersebut adalah seperti di Lampiran 1.

Secara umumnya, surat-surat Rasulullah (s.a.w.) kepada pembesar-pembesar bukan Islam tersebut mengandungi gaya bahasa yang mudah dan ringkas tetapi tepat. Isinya pula jelas iaitu seruan kepada Islam. Di samping itu isinya juga mengaitkan perkara yang sesuai dengan latar belakang tiap-tiap pembesar tersebut.

Daripada jenis-jenis media cetak yang wujud sejak dahulu hingga masa kini, buku atau kitab adalah jenis penerbitan yang terbanyak digunakan dalam kegiatan dakwah melalui media cetak. Dalam proses dakwah (termasuk pembelajaran), ilmu-ilmu pengetahuan disampaikan daripada guru kepada murid. Proses ini pada mulanya berkembang secara lisan sehingga sampai kepada satu tahap yang lebih mantap apabila manusia menemui kaedah penciptaan buku. Dalam konteks dakwah, buku-buku dihasilkan mulai meluas pada zaman Kerajaan Umaiyyah iaitu dalam zaman pemerintahan Khalifah al-Walīd bin `Abd al-Mālik (m. 715 M) yang memerintah dari tahun 86 H hingga 96 H (705 M - 715 M) yang kemudiannya disempurnakan pada zaman Khalifah `Umar `Abd al-`Azīz (m. 720 M) yang memerintah dari tahun 99 H hingga 101 H (717 M - 720 M).<sup>1</sup>

Dalam zaman pemerintahan Abbasiyah, perkembangan ilmu pengetahuan berkembang dengan lebih pesat dan wujud pusat-pusat pendidikan yang banyak, iaitu di istana-istana, masjid-masjid, sudut-sudut masjid yang dipanggil *al-zawiyah*, *kuttāb* dan *madrasah*, di hospital-hospital, perpustakaan dan lain-lain. Pada zaman itu juga gerakan penterjemahan dan karang-mengarang rancak dijalankan dan lahirlah satu perusahaan yang dinamakan *wirakah* iaitu perusahaan menyalin, mentashih serta menjilid buku yang kemudiannya diedar kepada orang ramai.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Hasan Ibrāhīm Hasan (1980) 2: 323.

<sup>2</sup> Ahmad Amin (t.th.) 2: 24.

Usaha-usaha ini menjadi lebih maju kerana antara faktornya ialah industri kertas mula diperkenalkan di Baghdad pada tahun 795 M.<sup>1</sup>

Khalifah Hārūn al-Rashīd (m. 809 M) dikatakan khalifah yang meletakkan batu asas pembinaan perpustakaan-perpustakaan yang meletakkan ratusan ribu buku berkaitan pengetahuan agama, ilmiah, sastera dan lain-lain. Antara perpustakaan yang termasyur di zaman Abbasiyah ialah Dewan Pustaka Nūḥ bin Nasr al-Samānī dan Dewan Pustaka al-Šāhib Ismā‘īl bin ‘Ubbād. Perpustakaan-perpustakaan lain ialah seperti Dewan Pustaka Mu‘ayyid al-Dīn bin al-‘Alqamī, yang mengandungi 10.000 buah buku, al-‘Azīziyah mengandungi 12.000 buah buku, dan Dewan Pustaka di Istana Timur di Kaherah ada 600,000 buah buku.<sup>2</sup>

Daripada sedikit lakaran sejarah yang dipaparkan di atas, jelaslah bahawa penghasilan buku telah berkembang sejak zaman permulaan Islam khususnya dalam zaman Umayyah dan Abbasiyah. Perkembangan ini juga menunjukkan dunia Islam lebih dahulu meneroka bidang kemajuan ilmu pengetahuan melalui media cetak berbanding Barat. Ledakan ini berpunca daripada keperluan terhadap ilmu pengetahuan yang merupakan nadi terpenting untuk memahami Islam di samping menjadi kunci kepada pembinaan tamadun manusia. Dalam hal ini Ibn Khaldūn (m. 1406 M) mengatakan bahawa ilmu pengetahuan itu berkembang mengikut perkembangan yang terdapat dalam sesuatu tamadun. Ilmu pengetahuan tidak ubah seperti perusahaan kerana ilmu itu sendiri adalah perusahaan. Perkembangan

<sup>1</sup> Mengikut sejarah, lahirnya industri kertas yang bermula di Baghdad ini adalah hasil daripada kemahiran yang dimiliki oleh orang-orang Cina. Pada tahun 751 M, Kota Samarkand telah diserang oleh orang-orang Cina. Antara kalangan orang-orang Cina yang ditawan, terdapat beberapa orang yang mempunyai kemahiran dalam pembuatan kertas. Mereka ini telah dipaksa oleh Gabenor Samarkand membina dan mengendalikan kilang kertas. Lihat *Grolier Academic Encyclopedia* (1983) 15: 68.

<sup>2</sup> Hasan al-Bāshā (1975): 48 - 51.

perusahaan bergantung kepada mutu tamadun atau kemajuan di tempat yang berkenaan apabila tugas setiap orang di dalam satu tempat itu melebihi soal-soal kehidupan. Ini adalah kerana ia sebahagian daripada soal kehidupan, iaitu soal-soal yang bersangkutan dengan manusia.<sup>1</sup>

Media cetak dakwah yang baik mempunyai peranan yang besar dan pengaruh yang luas. Dalam hal ini karya-karya Imam al-Ghazālī (m. 1111 M / 505 H)<sup>2</sup> telah dianggap sebagai ciptaan agung dalam arena ilmu-ilmu Islam yang tiada tolok bandingnya dalam sejarah kebudayaan dan falsafah Islam. Kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* dan *Bidāyat al-Hidāyah* sebagai contoh - bahkan 200 karya lainnya - yang ditulis pada abad ke-12 M. tetap menjadi bahan bacaan dan rujukan penting oleh orang ramai khususnya umat Islam zaman berzaman. Ketika mengulas kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Prof. Hamka menegaskan bahawa karya utama al-Ghazālī ini adalah satu ciptaan besar yang mempunyai bekas jejak abadi dalam sejarah kebudayaan dan falsafah Islam. Ia menjadi satu sastera dunia yang dikaji bukan sahaja di dunia Islam tetapi juga di seluruh pusat pemikiran dunia.<sup>3</sup> A. Hanafi M.A. pula memberikan komentarnya bahawa kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* ini merupakan kitab pokok ajaran al-Ghazālī mengenai akhlak sebagai hasil penyelidikannya yang bertahun-tahun. Oleh kerana pentingnya kitab ini, maka ia diterjemahkan sama ada seluruhnya atau sebahagiannya ke dalam bahasa-bahasa dunia dan menjadi pokok perbicaraan dan penyelidikan bagi para orientalis dan pengarang-pengarang dalam penerokaan dan pengajian mereka berhubung masalah-masalah akhlak dalam Islam.

---

<sup>1</sup> Ibn Khaldūn (t.th.): 362.

<sup>2</sup>Nama penuh al-Ghazālī ialah Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Ahmad al-Ghazālī dan digelar "Hujjat al-Islām". Menurut Ibn Khallikān, beliau adalah seorang ulama fekah mazhab Syafi'i, bahkan ahli teologi dan sufi yang tiada scorang pun dari ulama mazhab Syafi'i yang dapat menandingi keilmuan dan kewibawaannya pada zamannya. Lihat Ibn Khallikān (1968) IV: 216 - 219.

<sup>3</sup> Al-Ghazālī (1966): 1.

Pengaruh al-Ghazālī di kalangan kaum muslimin amat besar sekali, sehingga menurut pandangan orientalis, agama Islam yang digambarkan oleh kebanyakan kaum muslimin berpangkal kepada konsepsi al-Ghazālī.<sup>1</sup>

Selain *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn*, hasil-hasil karya al-Ghazālī yang termasyhur ialah *Mīzān al-'Amal* dan *Mi'yār al-'Ilm fī Fann al-Mantiq*, kedua-duanya menghuraikan ilmu dan amal yang banyak mengandungi ajaran tasawuf. Manakala kitab *al-Arba`īn fī Usūl al-Dīn* yang tidak kurang pentingnya banyak mengupas tentang pokok-pokok agama. Selanjutnya karya al-Ghazālī mengenai akhlak seperti *al-Mabsuk fī Nasiḥat al-Mulūk* yang ditulis atas permintaan Sultan Muhammad bin Malik Shah adalah mengenai hak-hak dan kewajipan raja-raja dan menteri-menteri negara. *Al-Munqidh min al-Dalāl* pula ialah kitab yang mengandungi hal-hal mengenai hidup al-Ghazālī dan cara berfikirnya sebagai seorang sufi. Kitab *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl* membicarakan ilmu usul. Manakala *Mishkāt al-Anwār* yang menghuraikan hubungan antara manusia, Allah dan alam semesta adalah semuanya penting. Karya-karyanya yang lain ialah *al-Wāṣīt*, *al-Bāṣīt*, *al-Wājīz*, dan *al-Khulāṣah* dalam bidang fekah, *al-Manhūl wa al-Muntahil fī 'Ilm al-Jadal*, *Tahāfut al-Falāsifah Maḥīk al-Naẓar*, *al-Maqāsid*, *al-Madnūn bih 'alā Ghayr Ahlih*, *al-Maqāsid al-Asnā fī Sharḥ Asmā' Allāh al-Husnā* dan *Huqīqah al-Qawlāyn*. Antara faktor yang menyebabkan al-Ghazālī begitu menonjol dalam penghasilan karya-karya beliau ialah keilmuan dan kewibawaannya. Mengikut Ibn Khallikān kesarjanaan al-Ghazālī dan ketokohnya menjadikan karya-karya beliau ini tidak dapat ditandingi oleh karya-karya lain.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>A. Hanafi M.A. (1969): 147.

<sup>2</sup>Ibn Khallikān (1968) IV: 216 - 217.

Selain karya-karya al-Ghazālī seperti yang telah dihuraikan di atas, terdapat banyak lagi penulisan yang ditinggalkan oleh tokoh-tokoh Islam lain yang tidak kurang pentingnya dalam menyampaikan dakwah. Antaranya ialah sebuah karya Imam Muhammad `Abduh (m. 1905) iaitu kitab *Risālat al-Tawhīd* yang diterbitkan pada tahun 1897. Buku kecil ini mengupas mengenai akidah Islam secara paling mudah dan terperinci. Oleh kerana buku ini merupakan satu penulisan yang baik, maka ia tersebar jauh dan menjangkau medan pengaruh yang luas. Buku ini telah diterjemahkan oleh Syekh Mustafa `Abd al-Razak bersama-sama dengan Messeu Berner Michel ke bahasa Perancis pada tahun 1925 dengan diberikan pendahuluan lengkap tentang sejarah hidup Imam Muhammad `Abduh dan perjuangannya serta sumbangannya yang besar kepada Islam dengan menghasilkan buku tersebut. Di India buku ini telah diterjemahkan oleh beberapa orang tokoh ulama ke bahasa Urdu dan menjadi sebahagian sukatan pelajaran di beberapa institusi pengajian tinggi di India dan Pakistan. Di Turki pula fikiran Imam Muhammad `Abduh seperti yang dihuraikan dalam buku *Risālat al-Tawhīd* ini telah dijadikan sebagai satu kursus di Maktab Islam, Fakulti Sastera, Universiti Istanbul.<sup>1</sup> Demikianlah terbuktinya bahawa penulisan buku yang baik yang dihasilkan oleh penulis dan tokoh pemikir yang berwibawa dapat meninggalkan pengaruh yang besar kepada manusia. Kedua-dua faktor ini merupakan ciri penting dalam penghasilan media cetak berunsur dakwah.

Selain penulisan bercorak ilmu pengetahuan, terdapat juga karya kesusteraan yang digunakan untuk menyampaikan dakwah. Pada zaman permulaan Islam, perkembangan sastera berbentuk hikayat telah muncul di negeri Arab. Istilah hikayat berasal daripada bahasa Arab yang bererti cerita. Hikayat

---

<sup>1</sup>Osman Amin (1988): 2 - 15.

merupakan satu bentuk prosa Arab yang berkembang dalam zaman jahiliah yang mengisahkan cerita-cerita bercorak dongengan dan legenda yang mengagung-agungkan tokoh pahlawan bagi suku Arab dalam peperangan saudara yang sering berlaku di kalangan mereka. Apabila Islam muncul di negeri Arab, kegiatan bercorak perkauman tidak digalakkan kerana Islam menentang fahaman perkauman dan menekankan konsep universalisme. Dengan itu prosa yang berkembang sesudah kedatangan Islam menekankan tema-tema yang digalakkan Islam dengan matlamat untuk meninggikan syiar Islam. Bagi memenuhi keperluan itu ahli sasterawan Islam telah mencipta karya-karya kesusasteraan bercorak keislaman yang kemudiannya lahirlah cerita-cerita yang disebut *qisay* (cerita-cerita).<sup>1</sup>

Para pendakwah Islam mengambil kesempatan menggunakan cerita-cerita sebagai media untuk berdakwah. Justeru itu lahirlah tukang-tukang cerita yang memainkan dua peranan; pertama sebagai pendakwah dan kedua sebagai penutur cerita-cerita yang bercorak keagamaan. Salah seorang yang memainkan peranan seperti ini ialah Tamim al-Dari, iaitu seorang sahabat Nabi yang menjadi penutur cerita bercorak Islam yang terawal dalam Islam. Beliau telah menuturkan satu cerita bercorak keislaman yang mengisahkan tentang raksasa yang dipanggil al-Jasasah dan al-Dajjal. Tukang-tukang cerita bercorak keislaman yang muncul pada zaman permulaan Islam menggunakan al-Qur'an sebagai sumber rujukan bagi cerita-cerita yang telah digubahkan mereka. Penutur cerita yang mengambil bahan daripada al-Qur'an telah menggunakan ayat-ayat yang mengisahkan nabi-nabi Allah, maka lahirlah cerita tentang nabi-nabi yang dipanggil *Qisas al-Anbiyā'*.<sup>2</sup> Karya-karya bercorak keislaman seperti di atas telah berkembang dalam tradisi kesusasteraan

---

<sup>1</sup> Ismail Hamid (1983): 8.

<sup>2</sup> Ahmad Amin (1965): 159 - 161.

Arab klasik selepas kedatangan Islam. Apabila kebudayaan Islam telah disebarluaskan ke negeri-negeri Islam yang lain terutama Parsi, tradisi kesusasteraan Arab yang bercorak keislaman itu telah disadurkan ke dalam bahasa Parsi. Kesusasteraan Parsi yang bercorak Islam ini kemudian telah disebar ke India dan alam Melayu.<sup>1</sup>

Selain buku, sama ada penulisan ilmiah atau karya kesusasteraan sebagai satu jenis media cetak yang sangat berpengaruh dan berperanan luas dalam dakwah, jenis-jenis media cetak lain seperti akhbar, majalah dan lain-lain juga tidak kurang pentingnya dalam memainkan peranan yang sama. Bagi akhbar misalnya, peranannya dalam dakwah juga adalah penting. Dalam hal ini, al-'Aqqād menegaskan tabiat manusia hari ini sangat gemar untuk mengambil tahu hal persekitarannya membuatkan mereka merasakan amat perlu untuk memiliki dan membaca akhbar. Tabiat ini menunjukkan manusia sekarang sudah beralih untuk menjadi manusia madani dengan bantuan maklumat dan pengetahuan yang disebarluaskan melalui akhbar. Dalam hal dakwah, beliau menegaskan akhbar sangat berguna untuk menyalurkan perkara-perkara kebaikan seperti pada masa dahulu orang menggunakan khutbah atau syaran, atau mimbar sebagai saluran menyampaikan dakwah sama ada dalam bentuk harian atau mingguan.<sup>2</sup>

Daripada penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa media cetak mempunyai peranan besar dalam dakwah Islam. Ia dihasilkan dengan pelbagai jenis dan bentuk dan berkembang dari semasa ke semasa. Ia berguna untuk memberi kefahaman tentang Islam kepada manusia, mempengaruhi serta memperkuatkan kepercayaan mereka terhadap ajaran yang disampaikan. Dakwah yang dijalankan

---

<sup>1</sup>Ismail Hamid (1983): 10.

<sup>2</sup>Al-'Aqqād (t.th.): 147.

melalui media cetak adalah mengikut bidang-bidang tertentu yang merupakan ciri-ciri pembentukan *al-dīn* atau cara hidup yang lengkap untuk kebahagiaan dunia dan akhirat. Dengan itu ia menjadi media dakwah yang penting kerana melalunya segala ilmu Allah akan tersebar luas dan Islam dapat diperjelaskan.

#### **1.4. Media Cetak Dakwah Di Malaysia**

Dakwah melalui media cetak di Malaysia dilakukan sejak Islam mula dibawa ke negara ini hingga sekarang. Usaha-usaha penerbitan buku atau kitab dan lain-lain jenis media cetak dilakukan oleh banyak pihak sama ada dari kalangan individu, swasta, kerajaan atau pertubuhan.

##### **1.4.1. Latar Belakang Penulisan Dakwah Pada Zaman Permulaan**

###### **Kedatangan Islam**

Dari segi masa, bilakah tarikh bermulanya hasil penulisan dakwah di negara ini tidak dapat dipastikan dengan tepat kerana tarikh kedatangan Islam juga tiada kata sepakat di kalangan pengkaji sejarah mengenainya. Ada yang mengatakan Islam datang ke rantau ini pada abad ke-7 M, ada yang mengatakan abad ke-8 M atau abad ke-9 M, dan ada pula yang mengatakan pada abad ke-13 M.<sup>1</sup> Walaupun begitu, yang jelas ialah kedatangan Islam itu merupakan satu titik permulaan bersejarah dalam peningkatan akal budi orang Melayu.<sup>2</sup> Dengannya juga terhasillah penulisan-penulisan mengenai Islam yang menjadi wasilah penting dalam penyampaian ajaran Islam kepada orang-orang Melayu.

---

<sup>1</sup>Mahayudin Hj. Yahya (1994) 1: 1.

<sup>2</sup>Al-Attas (1972): 36.

Salah satu teori sejarah ketibaan Islam di Malaysia ini ialah melalui penjumpaan batu bersurat di Terengganu. Batu bersurat tersebut yang bertarikh 702 H bersamaan 1303 M dianggap teks penulisan Islam yang tertua dijumpai di Malaysia. Ia mengandungi undang-undang dan ajaran melaksana dan memperkuat ajaran Islam.<sup>1</sup> Menurut A. Samad Ahmad, penulisan undang-undang Islam yang terpahat di batu bersurat di Terengganu itu bukan sahaja tertua dalam bidang perundangan Islam, bahkan ia mendahului lain-lain ilmu yang ditulis dalam bahasa Melayu selepas kedatangan Islam ke negara ini.<sup>2</sup>

Kegiatan dakwah seterusnya berkembang melalui usaha-usaha penerangan mengenai ajaran Islam oleh mubaligh-mubaligh Islam kepada penduduk-penduduk tempatan. Menurut Dr. Ismail Hamid, bentuk-bentuk tulisan yang digunakan dalam usaha pendakwahan itu ialah buku-buku dan risalah-risalah kecil. Isi kandungan bahan-bahan ini ialah berkenaan pelajaran asas agama Islam, hukum-hukum Islam, Ilmu Kalam, Ilmu Tasawuf, Ilmu Tafsir dan Hadith serta pengetahuan am mengenai Islam.<sup>3</sup> Menurut beliau lagi, kegiatan ini telah mendorong kelahiran institusi-institusi pengajian Islam iaitu di istana-istana raja-raja Melayu dan juga di masjid-masjid yang bermula di negara kota seperti Pasai, Melaka<sup>4</sup> dan Aceh. Kemudian institusi itu berkembang meluas ke daerah-daerah melalui sistem pendidikan pondok yang mendorong bertambahnya penghasilan dan penggunaan bentuk-bentuk penulisan yang dipanggil kitab yang mulanya diciptakan menerusi tulisan Jawi.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup>Hooker (1983): 161.

<sup>2</sup>A. Samad Ahmad (1974) 1: 9 - 10.

<sup>3</sup>Ismail Hamid (1983): 1 - 2.

<sup>4</sup>Sejarah Melayu melaporkan bahawa Sultan Muhammad Shah ialah pemerintah Melaka yang pertama diislamkan iaitu oleh seorang pendakwah berbangsa Arab yang terkenal bernama Sayyid Abdul Aziz. Kegiatan pengajian Islam telah dimulai di istana Melaka dan kemudiannya berkembang di masjid-masjid. Lihat Shellabear (1977): 55 - 60.

<sup>5</sup>Ismail Hamid (1994): 61.

#### **1.4.2. Penghasilan Buku Dan Kitab Islam**

Dari sudut sejarah penghasilan kitab-kitab di negara ini, Syed Muhammad Naquib al-Attas berpendapat bahawa kitab *'Aqā'id* oleh Abū Ḥafṣ `Umar Najm al-Dīn al-Nasafī yang disyarahkan oleh Sa`d al-Dīn al-Taftazānī (m. 1389 M / 719 H) adalah naskhah Melayu tertua dalam bidang pengajaran Islam di rantau ini.<sup>1</sup> Walau bagaimanapun pendapat ini disanggah oleh Mahayudin Hj. Yahya yang mengatakan sebelum itu sudah terdapat beberapa buah kitab agama yang diajar dan disebarluaskan kepada masyarakat Melayu kerana sejarah pendidikan Islam sudah berkembang di Pasai sejak abad ke-13 M / 7 H lagi. Antara kitab-kitab itu termasuklah kitab *Bahr al-Lahūt* oleh Syekh `Abdullah `Arif (m. 1177 M) pada abad ke-12 M / 6 H, *Durr al-Manzūm* oleh Abu Ishaq dan kitab *Umm al-Barāhīn* oleh al-Sanūsī (m. 1490 M / 895 H).<sup>2</sup> Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah dalam kajiananya terhadap karya-karya ulama Asia Tenggara juga mendapati kitab *Bahr al-Lahūt* adalah karya Islam tertua di rantau ini. Naskhah aslinya ialah dalam bahasa Arab dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pada zaman Kerajaan Melayu Melaka.<sup>3</sup>

Penghasilan buku-buku Islam di Nusantara mula berkembang luas pada abad ke-17 M. Pada zaman ini ulama Sumatera iaitu Syekh Hamzah Fansuri (m. 1607 or 1610) dari Barus, Syekh Shamsuddin al-Sumatrani (m. 1630) dari Pasai dan Syekh Abdul Rauf dari Singkel, telah berjaya menghasilkan karya-karya tasawuf yang matang. Pada abad ke-19 M pula, ulama besar Patani tampil membuat kemuncak dalam penulisan-penulisan Ilmu Fekah dan Usuluddin yang tidak ada tandingannya di seluruh Nusantara. Mereka ialah Syekh Daud bin Abdullah al-

---

<sup>1</sup> Al-Attas (1972): 36.

<sup>2</sup> Mahayudin Hj. Yahya (1994) 1: 3.

<sup>3</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1991) 1: 2 - 3.

Fatani, Syekh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani dan Syekh Muhammad bin Ismail bin Daud al-Fatani.<sup>1</sup>

Tempias perkembangan ini turut mengenai Malaysia yang mana kegiatan penulisan Islam berkembang seiring dengan pertumbuhan institusi pengajian pondok. Di samping menyampaikan ajaran-ajaran Islam melalui lisan dan rujukan kitab-kitab Arab, guru-guru tersebut ada yang menghasilkan penulisan sendiri sama ada melalui karya terjemahan ataupun karya asli. Di Terengganu misalnya, sebuah karya terjemahan iaitu *Syarah Kitab Hikam* telah dihasilkan oleh Syekh Abdul Malik bin Abdullah atau lebih dikenali dengan Tuk Pulau Manis (m. 1736). Kitab ini adalah terjemahan daripada sebuah karya asal Taj al-Din bin 'Ata'illah al-Sakandari. Selepas itu muncul pula beberapa karya lain hasil tulisan Tuk Ku Tuan Besar (m. 1876 M)<sup>2</sup>, antaranya *Kanz al-'Ulā*, *Jawāhir al-Saniyyah*, *Syahadan Tuk Ku* dan *Mukhtaṣar*. Kebanyakan buku beliau meliputi banyak bidang ilmu Islam seperti Fekah, Tauhid, Nahu, Tafsir, Hadith dan Tasawuf.<sup>3</sup> Hasil-hasil karya lain yang dihasilkan pada zaman ini ialah *Ma`ārij Allāhfān* iaitu kitab tasawuf ditulis oleh Tuk Ku Paluh (Sayid Abdul Rahman), kitab *Maulud Jawi* dan *Manhal al-Sāfi fī Bayān Amr Ahl al-Sūfī* iaitu kitab tentang tasawuf yang ditulis oleh Syekh Abdul Kadir Patani (m. 1804). Tulisan-tulisan tersebut mengandungi konsep pemikiran Islam dan menjadi panduan kepada ulama dan penulis Islam di Terengganu pada abad ke-19.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup>Yusof Zaki Yacob (1986): 3.

<sup>2</sup>Nama sebenarnya Syed Muhammad Zainal Abidin yang juga digelar Syekh Ulama dan Tuan Besar Paduka Indera.

<sup>3</sup>Hamdan Hassan (1978): 35.

<sup>4</sup>Ibid.: 36 - 37.

Kegiatan penulisan Islam lebih aktif bermula pada abad ke-20 apabila kemudahan percetakan mulai dinikmati di sini. Pada abad ini banyak karya Islam telah dihasilkan oleh penulis-penulis Islam dalam pelbagai bidang. Menurut Yusof Zaki Yacob, antara karya yang masyhur yang dihasilkan pada zaman selepas Perang Dunia Kedua ialah *Tafsir al-Qur'an al-Karim* iaitu kitab tafsir sebanyak 25 penggal, *Mukhtasar Abī Jamrah* sebanyak dua penggal, *Sejarah Islam* sebanyak lima penggal dan *Ilmu Jiwa Islam* oleh al-marhum Mustapha Abdul Rahman. Karya-karya lain ialah *Sejarah Anbiya'* (tiga penggal), *Intisari Juzu' Amma*, *Jawāhir al-Bukhārī wa Sharḥ al-Qastalānī* (pengajian hadith) dan *Ibadah Rasulullah* yang telah dihasilkan oleh al-marhum Abu Bakar al-Asy'ari, seorang lagi tokoh yang produktif dalam penghasilan kitab-kitab Islam. Selain itu, terdapat beberapa karya dalam bidang hadith seperti kumpulan hadith *Sahih Muslim* sebanyak enam jilid yang telah disusun oleh al-marhum Haji Ahmad Fuad Hassan, bekas pengetua Madrasah al-Arabiyyah Bukit Mertajam yang juga merupakan seorang penulis Islam yang berhasil.<sup>1</sup> Selain itu terdapat juga penulisan yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh lain seperti Syekh bin Ahmad al-Hadi (m. 1934), Syekh Muhammad Tahir bin Jalaluddin al-Azhari (m. 1956), Haji Abbas bin Muhammad Taha, Datuk Haji Muhammad Said, Syekh Muhammad bin Salim al-Kalali, Kiyai Muhammad Fadlullah Suhaimi dan Syekh Idris al-Marbawi.

Penulisan sejarah Islam dalam bentuk yang moden dan dengan gaya bahasa yang menarik telah disempurnakan oleh al-marhum Syekh Abdullah Basmeih (m. 1996). Antara karya-karya beliau ialah *Tarikh Nabi Muhammad* (empat penggal) dan *Sejarah-Sejarah Abu Bakar, Umar, Ali dan Uthman, Aisyah, Muhammad bin Abdul Aziz, Khalid ibn al-Walid*. Syekh Abdullah Basmeih juga dengan usaha

---

<sup>1</sup> Yusof Zaki Yacob (1986): 4.

bersama Tuan Guru Haji Muhammad Noor Ibrahim, bekas mufti Kelantan, telah menghasilkan terjemahan lengkap al-Qur'an al-Karim yang berjudul *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Beliau juga telah menghasilkan kitab *Mastika Hadith* (kitab pengajian hadith) sebanyak tiga jilid. Hasil beliau ini diterbitkan dalam versi Jawi dan Rumi.

Selain karya-karya asli, terdapat juga karya-karya terjemahan dihasilkan oleh beberapa tokoh penulis di negara ini. Antaranya ialah karya-karya Muhammad Labib, seorang penulis dan penterjemah karya-karya Islam yang tidak boleh diabaikan. Beliau telah menyusun dan mengalih bahasa beberapa karya Islam yang penting, terutamanya karya-karya gurunya Dr. Ahmad Shalabi yang terkenal di dunia Islam iaitu *Sejarah Islam, Agama Islam Agama Terbesar di Dunia* dan *Kehidupan Sosial Menurut Kacamata Islam*, dan *Alam Jin dan Malaikat* karya Abdul Razak Nawfal. Sebuah karya lagi ialah tiga jilid *Fekah Islam* empat mazhab yang dihasilkan oleh Ustaz Ariffin Awang dari Johor.

Selain karya asli dan karya terjemahan seperti yang dinyatakan di atas, terdapat banyak lagi karya terjemahan yang diusahakan oleh orang perseorangan dan juga badan-badan penerbit yang meliputi bidang-bidang tertentu. Umpamanya dalam bidang ekonomi, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan *Ensiklopedia Ekonomi Islam* Jilid 1 dan 2 karya Muhammad Abdul Mun'im al-Jammal (1992); *Insuran Dalam Ekonomi Islam* (1990), *Pemikiran Ekonomi Islam* (1989), *Perkongsian dan Pengongsian Untung Dalam Hukum Islam* (1991), ketiga-tiganya hasil karya Muhammad Najatullah Siddiqi; dan *Jenayah dan Doktrin Islam Dalam Tindakan Pencegahan* (1992) karya Muhammad Muslehuddin. Dalam bidang

tafsir, Yusof Zaki Yacob telah menterjemah kitab *Fi Zilal al-Qur'an* dan Ahmad Sonhadji menghasilkan *Tafsir al-Qur'an Abr al-Athir*. Dalam bidang sirah, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan *Encyclopedia of Sirah* Jilid 1 (1992) hasil karya Afzalurrahman dan *Hayat Muhammad* hasil karya Muhammad Husein Haikal.<sup>1</sup>

Pada masa ini antara pihak yang menerbitkan buku-buku Islam ialah terdiri daripada penerbit-penerbit dari agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, universiti-universiti dan jabatan-jabatan agama Islam negeri. Selain itu terdapat juga penerbit swasta dan badan dakwah yang turut menerbitkan buku-buku Islam seperti Pustaka Antara, Thinker's Library, Darul Fikr, Pustaka Salam, Angkatan Belia Islam Malaysia, al-Rahmaniah dan lain-lain. Sumbangan yang diberikan oleh penerbit-penerbit ini adalah sangat bermakna dalam perkembangan dakwah khususnya di negara ini.

Daripada keterangan di atas, dapat difahami bahawa buku adalah satu jenis media cetak yang mempunyai peranan dan fungsi penting sebagai wasilah dakwah untuk memberi penerangan dan seruan kepada pemahaman serta penghayatan tentang ajaran Islam. Menurut statistik buku-buku yang diterima oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), pada 1988 hingga 1994 di bawah Akta Pemeliharaan Buku 1966 menunjukkan sejumlah 2,404 naskhah buku agama yang diterima, iaitu jumlah kedua terbesar selepas buku-buku dalam bidang bahasa pada tempoh yang sama.<sup>2</sup> Kenyataan ini menunjukkan bahawa buku menjadi wasilah penting dalam kegiatan dakwah di negara ini.

---

<sup>1</sup>Pengarang *al-Islam* (1995): 18.

<sup>2</sup>Shaharom TM Sulaiman (1997): 11.

#### **1.4.3. Akhbar Dan Majalah Sebagai Media Dakwah**

Selain buku, jenis media cetak yang agak penting dalam penyampaian dakwah di negara ini ialah akhbar dan majalah. Pada peringkat awal, sebahagian akhbar muncul dengan konsep serta formatnya ke arah mendidik sesuai dengan tuntutan Islam. Akhbar *Nujum al-Fajar* (1877), *Shamsul Kamar* (187?) dan *Sekolah Melayu* (1888), antara akhbar terawal diterbitkan di Singapura telah membuktikan bahawa elemen dakwah telah bermula. Antara tahun 1901 hingga 1925, perkembangan persuratkhabaran yang mempunyai mesej dakwah lebih maju dari tahun-tahun sebelumnya. Ini disebabkan pengaruh pergerakan pembaharuan semangat keagamaan dari Asia Barat. Pada bulan Mei 1901, muncul akhbar *Jambangan Warta* yang diterbitkan oleh Matba`ah Jambangan Warta, Batu Gajah. Pada 4 Julai 1904 pula muncul akhbar *Taman Pengetahuan* yang memuatkan berita-berita dari luar negeri seperti Jepun, Soviet, Turki, Arab dan Amerika di samping beberapa rencana agama. Akhbar-akhbar seperti *Utusan Melayu* yang pertama kali diterbitkan di Singapura pada 1907, *Neraca* pada 1911 dan *Lembaga Melayu* pada 1924 telah membuka gelanggang untuk perbahasan agama secara lebih serius. Akhbar-akhbar lain yang memulakan langkah serupa ialah *Bintang Sembilan*, diterbitkan di Negeri Sembilan, *Perjumpaan Melayu* di Muar dan *Panji-Panji Melayu*. Ketiga-tiganya terbit pada tahun 1925.<sup>1</sup>

Dalam bidang majalah, tempoh penantian untuk melihat perbahasan mengenai agama secara serius tidak mengambil masa yang lama. Ia bermula apabila terbitnya majalah *al-Imam* pada tahun 1906. Pengarang pertamanya ialah Syekh Mohd. Tahir Jalaluddin (m. 1956), Syed Syekh bin Ahmad al-Hadi (m.

---

<sup>1</sup>A.M. Iskandar Hj. Ahmad (1980) : 7 - 8 dan 48.

1934) dan kemudiannya Haji Abas Mohd Taha. *Al-Imam* diterbitkan semata-mata untuk memperjuangkan kesucian Islam. Ia merupakan majalah pertama yang memuatkan semangat keagamaan di Semenanjung Tanah Melayu dan senafas dengan aliran Muhammad 'Abduh dan majalah *al-Manar* di Cairo.<sup>1</sup> Naskhah sulung yang diterbitkan pada tahun 1906 itu membawa mesej dakwah iaitu menyeru kaum muslimin yang terpengaruh dengan Barat agar kembali kepada Islam yang sejati dengan berpegang teguh kepada ajaran al-Qur'an dan Sunnah. Ia juga menganjurkan para pembaca sentiasa menggunakan akal untuk mendapat kemajuan dan pengetahuan seperti yang telah dicapai oleh orang-orang di dunia Barat, kerana hakikat Islam sebenarnya tidak menentang kemajuan hidup dan ilmu pengetahuan.<sup>2</sup>

Format baru yang dibawa oleh *al-Imam* telah mempengaruhi akhbar-akhbar dan majalah-majalah pada masa itu untuk turut serta membahaskan tentang Islam seperti majalah *al-Islam* yang diterbitkan di Singapura pada tahun 1912, *Pengasuh* yang diterbitkan di Kota Baharu, Kelantan oleh Majlis Agama Islam Kelantan pada tahun 1918, *al-Hidayah* yang diterbitkan oleh Haji Ahmad Ismail dari tahun 1923 hingga 1926 dan *al-Hikmah* yang juga diterbitkan oleh Hj. Ahmad Ismail dari tahun 1934 hingga 1941. Menurut H.M. Tuah Iskandar, kandungan majalah-majalah ini sangat menepati sebagai media dakwah kerana ia mengandungi unsur-unsur tarbiah, penerangan, pemberitahuan, ulasan dan kritikan yang rata-rata tidak terkeluar dari hukum.<sup>3</sup>

Dalam tahun-tahun 1941 hingga 1945, perperangan antara tentera Jepun dengan Tentera Sekutu mengakibatkan perkembangan persuratkhabaran mengalami

---

<sup>1</sup>*Ibid.*: 9 - 10.

<sup>2</sup>Ismail Ibrahim (1980): 4.

<sup>3</sup>H.M. Tuah Iskandar (1989): 74.

kemunduran. Setelah Jepun menyerah kalah kepada Inggeris pada 14 Ogos 1945, perkembangan persuratkhabaran kembali berkembang. Antara akhbar dan majalah yang banyak membicarakan mengenai Islam ialah majalah *Masa* yang diterbitkan di Singapura pada tahun 1946, majalah *Kesatuan Islam* yang diterbitkan di Singapura pada 1946, majalah *Attaqwa* yang diterbitkan di Taiping Perak pada 1947, majalah *al-Ikhyia* yang diterbitkan di Gunung Semanggul, Taiping, Perak pada 1947, majalah *Qalam* yang diterbitkan di Singapura pada 1950, majalah *al-Islam* yang diterbitkan di Johor Baharu pada 1950, *Warta Jabatan Ugama Islam Johor* yang diterbitkan di Johor Baharu pada 1950, majalah *Kesedaran* yang diterbitkan di Kuching, Sarawak pada 1952, majalah *Kebudayaan* yang diterbitkan di Melaka pada 1952, majalah *ad-Deen* yang diterbitkan di Pulau Pinang pada 1953, majalah *Risalah* yang diterbitkan di Bagan Datuk, Perak pada 1954, majalah *Kehidupan* yang diterbitkan di Singapura pada 1956, majalah *Seruan Majlis* yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Perak di Ipoh pada 1956, dan majalah *Pembena* yang diterbitkan di Johor Baharu pada 1957.<sup>1</sup>

Dalam tahun-tahun 1950-an, apabila tertubuhnya ASAS 50 (Angkatan Sasterawan 50) dua buah majalah iaitu *Qalam* dan *Pengasuh* benar-benar memain peranan sebagai media Islam. *Qalam* diterbitkan di bawah pimpinan Syed Abdullah al-Idris dan Syekh Abdullah Basmeh (m. 1996), manakala *Pengasuh* di bawah pimpinan Muhammad Adnan Ariffin. Kedua-dua majalah ini benar-benar memain peranan sebagai media Islam yang menyalurkan buah fikiran dan pandangan cerdik pandai Islam bukan sahaja dalam soal-soal fekah dan falsafah, tetapi turut membicarakan soal-soal politik dan sejarah. Kedua-dua majalah ini

---

<sup>1</sup>A.M. Iskandar Hj. Ahmad (1980) : 69 - 126.

lebih mirip kepada format sebuah akhbar kerana ehwal semasa, ulasan politik dan lain-lain turut termuat dalam media-media berkenaan.<sup>1</sup>

Pada zaman selepas merdeka, usaha-usaha penyebaran dakwah melalui akhbar dan majalah terus berkembang dan mengalami perubahan. Perubahan pertama yang nampak jelas ialah perpindahan pusat persuratkhabaran seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (mula didirikan di Johor Baharu pada Jun 1956 dengan nama Balai Pustaka) dari Johor Baharu ke Kuala Lumpur. Dalam tempoh ini akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang membawa mesej dakwah turut muncul bersama akhbar-akhbar dan majalah-majalah lain yang berbagai jenis. Antaranya ialah *Buletin Seruan Agama Islam* diterbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah di Alor Star Kedah pada 1959, majalah *Sejahtera* oleh Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur di Kuala Lumpur pada tahun 1959, majalah *Suara Jabatan Ugama* oleh Jabatan Ugama Islam Terengganu pada 1960, majalah *Dian* diterbitkan oleh Pustaka Dian di Kota Baharu Kelantan pada 1961, majalah *Santa Jiwa* yang diterbitkan oleh Pustaka Dian di Kota Baharu, Kelantan pada tahun 1964, majalah *an-Nur* diterbitkan oleh al-Rahmaniah pada 1965, majalah *Tampis* diterbitkan di Kuala Lumpur oleh Taman Pendidikan Islam Kuala Lumpur pada 1966, majalah *Teratai* oleh Persatuan Penuntut-penuntut Kolej Islam Malaya pada 1967, majalah *Obor* diterbitkan di Gunung Semanggul, Perak oleh al-Ehya al-Syarif Gunung Semanggul pada 1968 dan majalah *Lembaga Alam Islam* diterbitkan di Singapura pada 1968 oleh Datuk Syed Ibrahim bin Omar al-Sagoff.<sup>2</sup> Pada akhir tahun-tahun 1960-an dan awal 70-an muncul lagi beberapa buah majalah seperti *Utusan Qiblat*, *al-Islam*, *Dakwah* dan lain-lain. Malangnya

---

<sup>1</sup>H.M. Tuah Iskandar (1989): 74 - 75.

<sup>2</sup>Ibid. : 126 - 184.

*Qiblat* telah terkubur manakala *al-Islam* yang diusahakan oleh Utusan Melayu dan *Dakwah* oleh Yayasan Dakwah Islamiah masih hidup hingga hari ini.

Pada masa kini penerbitan akhbar yang khusus membawa mesej dakwah agak kurang berbanding majalah. Ini adalah kerana mesej utama akhbar ialah menyampaikan berita semasa dan mesej dakwah lebih sesuai dibawa melalui majalah berbanding akhbar. Penerbitan bahan-bahan ini - seperti juga buku - dipelopori oleh agensi-agensi kerajaan dan juga swasta. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia misalnya menerbitkan majalah *Sinaran Islam*, *Ruhaniyyat*, *Cahaya*, dan *Pendidik* (yang akan dihuraikan dengan lebih jelas dalam bab dua dan tiga); Majlis Agama Islam Kelantan menerbitkan majalah *Pengasuh*; Syarikat Utusan Melayu (Malaysia) Bhd. menerbitkan majalah *al-Islam*; Syarikat al-Muslimah, Kuala Lumpur menerbitkan majalah *Muslimah* (majalah wanita Islam); Penerbitan Muttaqin, Kuala Lumpur menerbitkan majalah *Tamaddun*; Ummah Media Sdn. Bhd., Shah Alam menerbitkan majalah dwi bulanan *Ummi*; Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia menerbitkan majalah *Dakwah*; Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) menerbitkan majalah *Islamic Herald* dan lain-lain lagi.

Di samping akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang kandungannya khusus memuatkan tentang seruan Islam, terdapat juga judul-judul media lain termasuk akhbar-akhbar utama di negara ini yang mesejnya bukan dakwah turut menyediakan ruangan untuk dimuatkan tulisan mengenai Islam. Sebagai contohnya akhbar *Utusan Malaysia* keluaran Jumaat, 21 Februari, 1977 telah memaparkan rencana berjudul "Pembangunan Manusia dan Benda".<sup>1</sup> Begitu juga dengan majalah yang mesejnya bukan dakwah, terdapat ruangan yang disediakan untuk diisi dengan

---

<sup>1</sup> Abu Bakar Yang (1977): 7.

tulisan-tulisan berkaitan Islam. Sebagai contoh majalah *Nona* terbitan Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd., dalam keluaran 1 - 14 Ogos 1994 telah menyediakan ruangan berjudul "Hidayah" yang kandungannya memaparkan tentang pernikahan;<sup>1</sup> majalah *Jelita* dalam keluaran bulan Jun 1996 memuatkan rencana berjudul "Agama Tanpa Iman Bukan Benteng Godaan";<sup>2</sup> majalah *Mingguan Wanita* keluaran 24 - 31 Januari 1997 memuatkan rencana "Bermuamalah Secara Islam";<sup>3</sup> majalah *Dewan Budaya* keluaran bulan Februari 1997 melalui ruangan tetapnya "Gema Iman" memaparkan rencana berjudul "Al-Muthanna bin Harithah, Pembuka Jalan Pengislaman Empayar Parsi";<sup>4</sup> majalah *Mastika* keluaran Februari 1997 memuatkan rencana "Hikmah Azan dan Qamat Pada Anak Baru Lahir"<sup>5</sup> dan sebagainya. Walaupun ruangan yang disediakan dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah tersebut peratusannya kecil berbanding isu-isu lain yang dimuatkan, namun ia memberikan sumbangan penting dalam penyebaran dakwah kepada masyarakat. Cara seperti ini dianggap berfaedah kerana masyarakat pembaca tidak mampu untuk membaca semua akhbar dan majalah yang diterbitkan. Oleh itu penulisan-penulisan dakwah yang termuat dalam apa sahaja terbitan akan sampai juga kepada sasaran pembaca mengikut bahan yang mereka minat dan pilih.

#### **1.4.4. Dakwah Melalui Bidang Kesusastraan**

Selain dakwah melalui penulisan berbentuk ilmu pengetahuan, terdapat juga tulisan-tulisan yang dihasilkan melalui daya kreatif penulis-penulis Melayu yang diterapkan ke dalamnya pengajaran agama Islam. Pada peringkat awalnya, sastera

---

<sup>1</sup>Haslina Ahmad (1994): 136 - 137.

<sup>2</sup>Lily Haslina Nasir (1996): 86 - 87.

<sup>3</sup>Pengarang *Mingguan Wanita* (1997): 24.

<sup>4</sup>Muhd. Zulkifli Ismail (1997): 20.

<sup>5</sup>Mohd. Helmi Ibrahim (1997): 119.

berbentuk sastera kitab telah tersebar dan kemudian diikuti pula oleh sastera berbentuk legenda dan kisah nabi.<sup>1</sup> Karya-karya ini adalah hasil daripada peradaban Islam yang ditulis oleh sasterawan-sasterawan muslim melalui pelbagai bahasa kemudian disadurkan dalam karya-karya kesusasteraan Melayu.<sup>2</sup> Dalam sejarah sastera tradisional, zaman awal lebih dikenali sebagai zaman peralihan Hindu-Islam. Kesan daripada zaman transisi ini lahirlah karya yang mempunyai dua nama. Nama asalnya pada zaman Hindu dialih kepada nama Islam. Contoh-contoh karya tersebut ialah *Hikayat Si Miskin* yang lebih dikenali daripada *Hikayat Marakarma*, *Hikayat Syahi Mardan* daripada *Hikayat Indra Jaya* atau *Hikayat Bikrama Patya*, *Hikayat Ahmad Muhammad* daripada *Hikayat Serangga Bayu*.<sup>3</sup>

Dalam zaman permulaan Islam, cerita-cerita tentang Nabi Muhammad adalah karya yang paling tua usianya jika dibandingkan dengan karya kesusasteraan pengaruh Islam yang lain kerana cerita-cerita seperti ini tiba bersama-sama kedatangan Islam ke daerah ini. Cerita-cerita mengenai Nabi Muhammad itu memperkatakan ketokohnanya, sifat-sifatnya yang ideal, peristiwa-peristiwa yang luar biasa mengenai dirinya sebagai pesuruh Allah dan lain-lain cerita lagi. Cerita-cerita ini seperti *Hikayat Nur Muhammad*, *Hikayat Mukjizat Nabi*, *Hikayat Nabi Bercukur*, *Hikayat Nabi Wafat*, *Hikayat Nabi Mi'raj* dan *Hikayat Rasulullah* adalah hasil saduran atau gubahan penulis-penulis Islam tempatan. Ajaran-ajaran Islam juga telah disampaikan melalui cerita-cerita mengenai Nabi seperti *Hikayat Nabi Muhammad Dengan Iblis*. *Hikayat Putri Salamah* mengandungi nasihat Nabi tentang tugas seorang isteri dalam Islam. *Hikayat Seribu Masalah* mengandungi dialog antara Nabi dan pemimpin Yahudi. Hikayat-hikayat lain dari jenis yang

---

<sup>1</sup>Gazali Dunia (1969): 131.

<sup>2</sup>Al-Attas (1972): 36 dan 43.

<sup>3</sup>Liaw Yock Fang (1975): 102 - 103.

sama ialah seperti *Hikayat Nabi Mengajar Ali*, *Hikayat Nabi Mengajar Anaknya Fatimah*, *Hikayat Nabi Dengan Orang Miskin* dan lain-lain.<sup>1</sup>

Dalam al-Qur'an ada tersebut tentang cerita-cerita yang ringkas mengenai nabi-nabi. Cerita tentang nabi-nabi ini telah disadur oleh penulis-penulis Islam dari bahasa Arab atau Parsi ke dalam kesusasteraan Melayu. Misalnya ialah *Hikayat Nabi-nabi*, *Hikayat Nabi Sulaiman*, *Hikayat Nabi Musa*, *Hikayat Nabi Yusuf*, *Hikayat Raja Jumjumah*, *Hikayat Zakaria*, *Hikayat Luqman al-Hakim*, *Hikayat Nabi Allah Ayub*, *Hikayat Nabi Musa Munajat* dan lain-lain. Cerita-cerita mengenai para sahabat Nabi dan tokoh-tokoh Islam juga telah digubah menjadi cerita seperti *Hikayat Abu Bakar*, *Hikayat Amir al-Mu'minin Umar*, *Hikayat Abu Shahmah*, *Hikayat Abu Bakar dan Rahib Yahudi*, *Hikayat Raja Handak*, *Hikayat Hasan dan Husain*, *Hikayat Tamin al-Dari* dan lain-lain. Penulis-penulis Melayu Muslim juga turut menghasilkan cerita-cerita mengenai pahlawan-pahlawan Islam dalam kesusasteraan Melayu seperti *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*, *Hikayat Malik Saiful Lizan*, *Hikayat Semaun* dan sebagainya.<sup>2</sup>

Dalam sejarah perkembangan Islam terdapat ahli-ahli sufi yang terkenal dalam dunia Islam dan aliran fahaman mereka telah menjadi ikutan. Cerita-cerita tentang ahli-ahli sufi itu dituturkan sehingga menjadi satu legenda. Cerita-cerita itu kemudian dituliskan orang. Penulis-penulis Islam di alam Melayu turut menyadur atau mengubah cerita-cerita mengenai tokoh-tokoh tersebut untuk menjadi contoh dan teladan kepada pembacanya. Cerita-cerita tersebut seperti *Hikayat Sultan Ibrahim*, *Hikayat Abu Yazid al-Bistami*, *Hikayat Syekh Abdul Kadir Jilani*,

---

<sup>1</sup>Ismail Hamid (1983): 18 - 19.

<sup>2</sup>Ibid.: 20 - 21.

*Hikayat Rabi'ah*, *Hikayat Darmah Tasiah* dan lain-lain. Karya-karya sastera dakwah selanjutnya ialah dalam bentuk sastera ketatanegaraan yang pada umumnya disusun bersumberkan dari ajaran Islam. Malah judulnya sendiri telah menggunakan bahasa Arab seperti *Bustan al-Salatin* (Taman Segala Raja-raja) yang ditarik oleh Syekh Nuruddin al-Raniri (m. 1658 M), *Taj al-Salatin* (Mahkota Segala Raja-raja) yang telah dikarang oleh Bukhari al-Jauhari.<sup>1</sup>

Ketika mengulas tentang penghasilan karya-karya sastera berunsur Islam ini, Dr. Ismail Ibrahim menjelaskan bahawa orang-orang Melayu dahulu gemar membaca karya-karya penulisan klasik yang berbentuk roman sejarah dan hikayat. Dari sudut pengolahannya hikayat-hikayat tersebut terdapat perkaitan rapat dengan agama yang mempunyai nilai-nilai moral dan pengajaran yang baik.<sup>2</sup> Malah karya-karya yang berbentuk puisi khasnya syair, nazam dan beberapa jenis puisi lainnya merupakan bentuk-bentuk puisi yang banyak sekali membawa tema dakwah secara langsung atau tidak langsung. Dalam hal ini Syed Naquib al-Attas menekankan bahawa Hamzah Fansuri adalah pelopor dalam penciptaan syair-syair sufi dan mengemukakan persoalan-persoalan agama yang bernilai tinggi.<sup>3</sup>

Pada abad ke-19, penggunaan karya sastera sebagai saluran dakwah dikatakan mencapai tahap yang boleh dianggap sebagai sastera Islam di Tanah Melayu iaitu dengan munculnya penulisan-penulisan sastera Islam yang berbentuk kitab dan falsafah oleh tokoh-tokoh ulama seperti Tuk Ku Tuan Besar dan Tuk Ku Paluh di Terengganu dan penghasilan karya-karya Syekh Daud Patani di Patani.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup>Ibid. : 21.

<sup>2</sup>Ismail Ibrahim (1980): 5

<sup>3</sup>Al-Attas (1968): 37.

<sup>4</sup>Hamdan Hassan (1980a): 97.

Di samping itu pada zaman ini juga terdapat banyak hasil sastera Islam yang penting seperti *Syair Burung Pingai*, *Syair Perahu*, *Syair Sidang Fakir*, *Syair Dagang*, *Syair Siratul-Mustakim*, *Syair Rukun Haji* dan *Syair Makrifatullah*.<sup>1</sup>

Pada awal abad ke-20, bidang kesusasteraan terus menjadi salah satu media menyalurkan tentang Islam. Pada zaman ini muncul Syed Syekh al-Hadi (m. 1934) yang mendapat pendidikan di Asia Barat telah mempelopori penulisan novel Melayu di Tanah Melayu. Novel sadurnya *Hikayat Faridah Hanum* dikatakan novel Melayu berunsur Islam pertama dihasilkan walaupun sesetengah pengkaji sastera berpendapat masih terdapat peristiwa-peristiwa yang bercanggah dengan Islam dimuatkan dalam novel tersebut. Selain Syed Syekh al-Hadi, tokoh-tokoh sasterawan agama yang tampil menghasilkan karya ialah Ahmad bin Hj. Muhammad Rashid Talu (m. 1939) dan Abdul Rahim Kajai (m. 1943). Walaupun mereka mempunyai latar belakang pendidikan agama, namun mesej Islam masih belum menjadi isu pokok dalam pemikiran karya mereka. Dalam zaman Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) yang menandakan sejarah bermakna dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden di Tanah Melayu, kurang berjaya menghasilkan sastera Melayu berunsur Islam. Anggota penting ASAS 50 yang diwakili oleh Keris Mas, Masuri S.N., Usman Awang dan Asraf memang ada mengaitkan persoalan yang mereka bangkitkan dengan universalisme Islam namun nilai-nilai Islam masih tidak menjadi isu pokok dalam karya-karya mereka itu.<sup>2</sup>

Selepas tahun-tahun 1960-an, dimensi dakwah melalui karya sastera mula mendapat perhatian tetapi tidak cukup serius. Semakin lama persoalan Islam

---

<sup>1</sup>A. Bakar Hamid (1974) 1: 85.

<sup>2</sup>Nurazmi Kuntum (1991): 15 - 19.

semakin digemari oleh penulis-penulis tanah air dan menunjukkan tanda-tanda kebangkitan sastera Islam yang positif pada dekad 80-an dan berikutnya. Antara nama-nama tokoh yang dikaitkan dengan penghasilan karya sastera Islam zaman ini ialah Profesor Muhammad Kamal Hassan, Drs Lutfi Abas, Shahnon Ahmad, Dr. Ismail Hamid, Muhammad Uthman El-Muhammady, Shafei Abu Bakar, Drs. Sidi Ghazalba, Ustaz Yusof Zaky Yacob dan Hashim Musa. Tokoh-tokoh lain ialah A. Wahab Ali, S. Othman Kelantan, Anas K. Hadimaja, Norhisham Mustafa, Nahmar Jamil, Suhor Antarsaudara, Mana Sikana, Azizi Haji Abdullah dan Rizi S.S.. Antara judul karya-karya puisi dan prosa yang berjaya dihasilkan oleh beberapa orang penulis tanah air ialah seperti dalam bidang puisi, misalnya antologi '*Ayn* oleh Kemala, *Jalan ke Taman* oleh Ali Ahmad, *Di Malam Gelita Ini* oleh Suhaimi Haji Muhammad dan *Manefestasi* susunan Kemala, Rizi S.S. dan Ahmad Razali sebagai reaksi penyair Melayu Islam terhadap kekejaman yang dilakukan oleh Israel. Dalam bidang novel pula terhasil *Dia* oleh Muhammad Labib, *Meniti Cahaya* oleh Ghazali M.A., *Ronjang* oleh Mana Sikana, *Muhammad Akhir* oleh Anas K. Hadimaja dan *Hidayah* oleh Harun Haji Salleh. Novel-novel yang diterbitkan hasil daripada Peraduan Mengarang Novel bercorak Islam, anjuran Yayasan Islam Terengganu ialah *Kuingin Kasih-Mu* oleh Siti Hawa Mohd. Hassan, *Masuk Ke Dalam Cahaya* oleh Abdulah Hussain dan *Mengejar Kedamaian* oleh Abdul Manap Abdul Malik. Ketika membicarakan sastera Islam ini, Shahnon Ahmad telah dirakamkan sebagai sasterawan Melayu (Islam) yang paling banyak sekali menganjurkan agar dakwah melalui sastera itu menjadi satu realiti dan bukan angan-angan.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>Suhaimi Hj. Muhammad (1979): 111.

Sehubungan dengan dakwah melalui karya sastera ini juga, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan beberapa peraduan seperti peraduan mengarang cerpen, novel, drama dan puisi berunsur Islam. Hasil peraduan-peraduan tersebut telah diterbitkan beberapa buah antologi dan buku untuk tatapan umum. Keterangan lajut akan dihuraikan dalam bab dua akan datang.

Daripada maklumat di atas, jelaslah bahawa media cetak seperti buku, akhbar dan majalah sama ada yang khusus sebagai media Islam ataupun yang hanya sebahagian kecil ruangannya memuatkan isu-isu mengenai Islam, termasuk karya-karya kreatif, peranannya tetap bermakna terhadap penyebaran dakwah kepada masyarakat. Dalam memperkatakan peranan penulisan Islam ini kepada masyarakat, Syed Muhammad Naquib al-Attas mengungkapkan :

*"...karya-karya ini bukan bagi satu golongan kecil tertentu, malah sesungguhnya bagi keperluan meninggikan adab dan susila serta kesedaran orang ramai terhadap kemuliaan insan dan keagungan Tuhan menerusi Islam."<sup>1</sup>*

Ungkapan tersebut sekaligus dapat merumuskan betapa media cetak menjadi wasilah penting dalam penyebaran dakwah khususnya di Malaysia.

### **1.5. Masalah Media Cetak Dakwah Di Malaysia**

Usaha penerbitan media cetak dakwah di Malaysia - seperti juga usaha penerbitan media cetak untuk tujuan lain - mempunyai masalah-masalah tertentu yang menyebabkan ia tidak dapat berjalan dengan baik. Antara masalah-masalah itu ialah dari segi kekurangan penghasilan karya, masalah dalam pengurusan

---

<sup>1</sup>Al-Attas (1972): 36.

organisasi, masalah kewangan, masalah persempahan isi dan bentuk fizikal dan masalah pemasaran.

### **1.5.1. Masalah Kekurangan Penghasilan Karya**

Dalam proses penyemarakan dakwah, penghasilan karya Islam yang banyak adalah penting supaya ia dapat sampai kepada khalayak dengan lebih luas. Di Malaysia keadaan ini masih belum berlaku dengan memuaskan. Masalah ini bukan berlaku pada penghasilan media cetak dakwah sahaja, malah berlaku pada pengeluaran media cetak secara keseluruhannya. Menurut satu kajian, kadar pengeluaran buku di Malaysia setiap tahun semenjak tahun 1980 ialah berjumlah antara 2,000 hingga 3,000 judul setahun. Kadar ini adalah rendah berbanding dengan Korea Selatan dan Jepun. Dalam tempoh tersebut, Korea Selatan mengeluarkan 30,000 judul buku setahun, manakala Jepun menerbitkan 28,000 judul buku setahun.<sup>1</sup> Daripada keseluruhan buku yang diterbitkan di negara ini, didapati buku-buku ilmiah untuk pembaca khusus serta buku-buku ilmu untuk pembaca umum masih kurang.<sup>2</sup>

Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Hamedi Mohd. Adnan terhadap 36 buah penerbit buku di negara ini, pada tahun 1992 didapati sebanyak 18 penerbit menerbitkan kurang 10 judul buku baru. Hanya tiga buah penerbit sahaja yang menerbitkan antara 50 hingga 99 judul buku baru pada tahun itu. Manakala bakinya iaitu 15 buah penerbit lagi menerbitkan antara 11 hingga 49 judul. Pada tahun 1993 pula, daripada 36 penerbit tersebut, didapati sebanyak tujuh penerbit

---

<sup>1</sup>Hassan Ahmad (1988): 372.

<sup>2</sup>Hassan Ahmad (1997): 6.

menerbitkan judul buku baru di bawah 10 judul, 12 penerbit menerbitkan antara 11 hingga 19 judul, lapan penerbit menerbitkan antara 20 hingga 25 judul, manakala bakinya iaitu sembilan penerbit menerbitkan antara 26 hingga 99 judul.<sup>1</sup>

Jika ditinjau kepada pengeluaran buku-buku bercorak dakwah di pasaran, terdapat tanda-tanda penambahan. Menurut perangkaan buku-buku yang diterima oleh Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun-tahun 1988 hingga 1994, sejumlah 2,404 naskhah buku agama diterima, iaitu jumlah kedua terbesar selepas buku-buku dalam bidang bahasa pada tempoh yang sama. Menurut Shaharom TM Sulaiman, kedudukan ini sebenarnya belum dapat menandakan penyemarakan penerbitan buku-buku Islam untuk tujuan dakwah dalam erti kata yang lebih luas, khususnya bagi peningkatan intelektualisme Islam. Ini adalah kerana rata-rata buku Islam yang diterbitkan itu bersifat '*simple*' dan mudah serta mengulangi buku-buku yang pernah diterbitkan sebelumnya seperti perbahasan fardu ain, kisah-kisah nabi dan fekah.<sup>2</sup>

Menurut Mohamad Abu Bakar pula, buku-buku dan risalah agama yang terdapat di pasaran dan mendapat sambutan adalah tulisan-tulisan yang membicarakan tauhid, fekah, sejarah dan tarikat yang dipetik atau disadurkan daripada kitab-kitab lama yang dibahas kembali dan terpisah dari realiti semasa.<sup>3</sup> Kekurangan bahan-bahan bacaan Islam bukan sahaja berlaku kepada buku, tetapi melibatkan juga jenis-jenis yang lain seperti majalah dan risalah. Bahan-bahan yang ada sekarang ini masih belum memenuhi keperluan semua peringkat umur

---

<sup>1</sup>Hamed Mohd. Adnan (1996): 3.

<sup>2</sup>Shaharom TM Sulaiman (1997): 11.

<sup>3</sup>Mohamad Abu Bakar (1993): 22 - 23.

walaupun kecenderungan orang ramai untuk membaca bahan-bahan tersebut semakin meningkat.<sup>1</sup>

Daripada data-data dan gambaran-gambaran di atas, jelas menunjukkan bahawa penerbitan media cetak Islam masih kurang dan tidak dapat menampung keperluan masyarakat di negara ini. Menurut Yusof Zaki Yacob, hal ini disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya ialah kerana golongan penghasil bahan media cetak dakwah ini kurang produktif disebabkan kurangnya kemahiran menulis dan kurangnya intelek-intelek Islam menceburি bidang penulisan.<sup>2</sup>

Dr. Abdul Monir Yaacob, Fellow Kanan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dalam ulasannya berkenaan kekurangan bahan penulisan Islam ini, beliau mempunyai pandangan bahawa terdapat beberapa kecenderungan dan tabiat dalam karya penulisan. Pertama ialah wujud minat untuk menghasilkan karya dalam bentuk monograf buku yang sifatnya sangat akademik dan terbatas, mungkin untuk kursus tertentu dan untuk jabatan tertentu di pusat-pusat pengajian tinggi. Kedua, karya ilmiah walaupun untuk kursus tertentu, sebenarnya boleh dibaca dan dipasarkan kepada umum. Dalam konteks ini hanya sebahagian golongan cendekiawan sahaja yang memberi tumpuan dalam bidang penulisan menyebabkan buku-buku ilmiah dalam bidang pengajian Islam tidak banyak terdapat di pasaran.<sup>3</sup>

Zaini Ujang turut mempunyai pandangan yang sama dalam hal ini. Menurut beliau bahan-bahan bacaan berunsur Islam tidak seperti bidang lain seperti sukan dan hiburan yang lebih bertenaga dan maju. Menurut beliau lagi ulama kurang

---

<sup>1</sup>Pengarang *Utusan Malaysia* (1996): 14.

<sup>2</sup>Yusof Zaki Yacob (1986): 7 - 8.

<sup>3</sup>Abdul Monir Yaacob (1997): 10.

menulis, sebaliknya orang yang kurang berpendidikan Islam pula lebih banyak menulis.<sup>1</sup> Dalam hubungan ini Muhammad Uthman El-Muhammady berpendapat sewajarnya perlu ada golongan yang mendokong risalah dakwah Nabi (s.a.w.) ini dengan mempergiat usaha membanyakkan bahan-bahan bacaan mengenai keislaman untuk keperluan masyarakat.<sup>2</sup>

Faktor lain yang menjadi penyebab kurangnya penghasilan media cetak dakwah adalah kerana sikap kurang minat membaca di kalangan masyarakat Malaysia terutamanya yang bersifat "tinggi" atau ilmiah.<sup>3</sup> Masyarakat besar masih gemar mendapat atau menerima maklumat daripada indera melihat dan mendengar. Menurut satu kajian tentang tabiat membaca rakyat Malaysia yang telah dilakukan dalam bulan April hingga Mei 1982 ke atas 15,054 orang, didapati 58 peratus tidak membaca sebuah buku pun dalam masa enam bulan. Kebanyakan mereka yang memberi sebab tidak membaca, jawapan terbanyaknya ialah "tidak ada masa" iaitu 59 peratus dan "perkara lain lebih penting" 11 peratus dan tujuh peratus mengatakan "susah mendapatkan buku untuk dibaca".<sup>4</sup> Dalam satu kajian lain yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia melalui perunding Frank Small and Associate mendapati bahawa pada tahun 1996, 87 peratus rakyat negara ini mengamalkan tabiat membaca sama ada surat khabar, majalah, buku atau komik. Tetapi puratanya membaca hanya dua buah buku dalam setahun walaupun peratusan penduduk yang boleh membaca mencapai 93 peratus.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup>Zaini Ujang (1987): 22.

<sup>2</sup>Muhammad Uthman El-Muhammady (1978): 4.

<sup>3</sup>Yusof Zaki Yacob (1986): 7 - 8.

<sup>4</sup>Dewan Bahasa dan Pustaka (1984): 74.

<sup>5</sup>Pengarang *Berita Harian* (1997): 4.

Implikasi daripada situasi ini, penerbit media cetak tidak berani menghasilkan lebih banyak bahan bacaan Islam untuk dipasarkan. Sebagai contoh, YADIM telah mengurangkan jumlah edaran majalah *Dakwahnya* yang satu ketika dahulu dari angka 20,000 setiap keluarannya kepada hanya 6,000 sahaja masa kini. Itu pun hanya sekitar separuh sahaja yang terjual.<sup>1</sup> Bagi PERKIM, edaran majalah-majalah yang diterbitkan hanya dibawah 5,000 naskhah setiap terbitan iaitu *Islamic Herald* 3,000 naskhah, *Suara Perkim* 5,000 naskhah dan *Nur Islam* 3,000 naskhah.<sup>2</sup> Utusan Melayu pula terpaksa memberhentikan majalah *Qiblatnya* setelah beberapa tahun diterbitkan. Buku-buku ilmiah hanya dicetak sekadar 500 hingga 1,000 naskhah setiap cetakan dan memakan masa yang lama untuk habis dijual.<sup>3</sup>

Daripada kenyataan di atas dapatlah disimpulkan bahawa penerbitan media cetak dakwah masih kurang dihasilkan untuk keperluan masyarakat. Dengan demikian usaha dakwah menjadi perlahan untuk disemarakkan menerusi bidang ini.

### **1.5.2. Masalah Dalam Pengurusan Organisasi**

Usaha penerbitan bahan-bahan bacaan Islam sebagai wasilah dakwah lazimnya dilakukan melalui organisasi. Badan-badan dakwah dan penerbit-penerbit bahan-bahan bacaan Islam biasanya menghadapi masalah dari segi pengurusan organisasi, meliputi aspek-aspek struktur, jumlah kakitangan dan sikap.

Kewujudan media cetak berorientasikan Islam selalunya dikendalikan oleh satu unit kecil dan kekurangan dari segi kakitangan. Jabatan Agama Islam Wilayah

---

<sup>1</sup>Mohd. Shauki Abdul Majid (1997).

<sup>2</sup>Ishak Othman (1997).

<sup>3</sup>Abdul Monir Yaacob (1997): 10.

Persekutuan (JAWI) sebagai satu contoh, Unit Penerbitannya mempunyai tiga orang kakitangan bagi mengendalikan kerja-kerja penerbitan iaitu seorang pegawai S3, seorang pembantu pegawai S7 dan seorang jurufoto.<sup>1</sup> YADIM pula mempunyai enam orang kakitangan dan seorang penasihat. Daripada jumlah tenaga itu hanya seorang pegawai sahaja yang menjadi penggerak utama manakala yang lain hanya sebagai pembantu iaitu seorang pereka dan empat orang pembantu tadbir.<sup>2</sup> PERKIM pula mempunyai empat orang pegawai penerbitan yang kesemuanya bukan berkelulusan ijazah menduduki unit penerbitannya.<sup>3</sup>

Satu lagi masalah yang timbul akibatnya kecilnya saiz unit penerbitan dan sedikitnya bilangan kakitangan ialah ketiadaan jawatan-jawatan yang penting untuk tugas-tugas penerbitan. Antara jawatan-jawatan yang sangat penting dalam urusan penerbitan ialah pegawai perolehan, penyunting, pereka, pembaca pruf, juru foto dan pegawai pemasaran. Ketiadaan orang-orang yang bertanggungjawab secara khusus dalam tugas-tugas tersebut akan berlakulah "*one man show*" dalam tugas-tugas yang dijalankan.

Kerja-kerja penerbitan media cetak dakwah memerlukan minat dan komitmen yang tinggi sama ada bagi pihak pengurusan sesebuah organisasi itu ataupun para petugasnya. Bagi sesetengah pihak penerbit media cetak Islam khususnya dalam agensi kerajaan, soal minat ini kadang-kadang tidak diambil berat. Misalnya pegawai penerbitan JAWI yang ditemubual menyatakan beliau tidak berminat dalam bidang penerbitan.<sup>4</sup> Berkait soal komitmen pula, menurut

---

<sup>1</sup>Nor Hanim binti Abdul Halim (1997); dan Subki bin Ghazali (1997).

<sup>2</sup>Kamaludin M. Zin (1997).

<sup>3</sup>Ishak Othman (1997).

<sup>4</sup>Nor Hanim binti Abdul Halim (1997).

Md. Salleh Yaapar dalam satu kajiannya terhadap usaha-usaha dalam bidang penulisan Islam di negara ini, beliau menyatakan bahawa beberapa kumpulan dakwah kurang iltizam dalam menangani usaha ini. Antara fenomena ini dapat dilihat kepada beberapa aspek, misalnya dari sudut kedudukan bahagian penerbitan dalam sesuatu organisasi, peruntukan kakitangan dan kewangan, kesungguhan menerbitkan bahan-bahan, usaha secara kolektif antara organisasi dan sebagainya.<sup>1</sup>

Jelaslah faktor-faktor bentuk struktur organisasi yang kecil, jumlah kakitangan yang terhad dan wujudnya masalah-masalah berkaitan dengan pengurusan seperti soal sikap dan komitmen yang rendah, menjadi hambatan kepada sesebuah organisasi itu untuk bergerak maju dan berkesan dalam pelaksanaan tugas-tugas menerbitkan bahan-bahan bacaan Islam.

### **1.5.3. Masalah Kewangan**

Kedudukan kewangan yang kukuh merupakan satu faktor penting dalam menentukan survival kegiatan penerbitan media cetak.<sup>2</sup> Di Malaysia, sesetengah penerbit sama ada badan-badan dakwah yang tidak mencari untung atau agensi-agensi kerajaan biasanya tidak mempunyai peruntukan besar untuk menggalakkan kemajuan penulisan Islam, terutama dalam usaha-usaha penerbitan bahan-bahan ilmiah, usaha penterjemahan, penerokaan bidang-bidang baru dan sebagainya yang sepatutnya dilakukan secara intensif. Dengan demikian perancangan dan pelaksanaan aktiviti penerbitan terpaksa dibataskan berdasarkan kemampuan

---

<sup>1</sup>Md. Salleh Yaapar (1993): 130.

<sup>2</sup>Sulaiman Masri (1983): 15.

kewangan yang ada. Sebagai contoh di bawah ini diperturunkan jumlah wang yang digunakan oleh tiga buah badan dakwah bagi aktiviti penerbitan yang dijalankan.

Jadual 1.1

Perbelanjaan Bagi Aktiviti Penerbitan YADIM, PERKIM dan RISEAP Dari Tahun 1991 Hingga 1995

Pertubuhan	1991	1992	1993	1994	1995
YADIM	112,820.85	80,245.00	133,237.90	98,536.63	282,508.65
PERKIM	44,520.00	92,839.00	49,593.00	72,676.00	67,782.00
RISEAP	73,720.00	161,887.75	89,517.90	105,625.03	91,216.47

Dengan demikian jelaslah faktor kewangan menjadi penentu yang penting terhadap perjalanan kegiatan penerbitan media cetak dakwah ini. Kekurangan sumber kewangan menjadi penghalang kepada pihak-pihak yang mengungguli aktiviti ini untuk menghasilkan bahan-bahan yang banyak, bermutu dan pelbagai.

#### **1.5.4. Masalah Persembahan Isi Dan Bentuk Fizikal**

Teknik persembahan yang menarik adalah antara faktor yang boleh mendorong orang ramai untuk memiliki dan membaca sesuatu bahan bacaan. Bagi mencapai matlamat ini, kombinasi persembahan isi dan teknik bentuk fizikal merupakan dua aspek yang saling kait mengait yang menjadi penentu sesebuah terbitan itu mendapat sambutan khalayak dan memberi kesan.

Menyentuh soal persembahan isi, perkara ini kadang-kadang menjadi masalah besar terhadap media cetak dakwah untuk berperanan dengan lebih berkesan. Penggunaan tatabahasa yang agak sukar atau kurang tepat, pembinaan ayat yang tidak mengikut struktur yang betul dan seumpamanya menjadikan persembahan isi tidak lancar. Keadaan ini menyebabkan pembaca sukar untuk memahami penerangan yang ingin disampaikan, atau cepat merasa bosan apabila membaca sesuatu penulisan itu.

Sebagai contoh, dalam kajian ini diperturunkan beberapa petikan daripada buku dan majalah yang menunjukkan kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam persembahan isi penulisan dakwah.

(1) Petikan daripada buku *Ajaran Sesat* terbitan DBP

"Tujuh sifat maani tersebut terletak di dalam martabat Kharij berhimpun dalam al-Rahman. Keterangan seperti berikut : Wujud Allah itu hakikat zat bernama ahadiyah yang dinamakan Kharij Tanzil dalam Kharij zat Allah "yang berhimpun dalam Bismillah". Itulah hakikat Allah Ahadiyah meliputi alam lahit - zat Allah - hakikat Allah. Alam Jabarut - sifat Allah, hakikat Muhammad - hakikat roh."<sup>1</sup>

Ungkapan-ungkapan ini merupakan perbahasan satu topik yang tinggi dan mendalam yang tidak mampu difahami oleh orang awam. Hanya orang-orang yang ahli dalam ilmu ini sahaja dapat memahaminya.

---

<sup>1</sup> Abdul Fatah Haron Ibrahim (1985): 72.

"Mafhum daripada ayat suci itu sekaligus menunjukkan mukalaf yang berilmu nescaya memudahkan mengerjakan amalan lalu menjadikannya reda terhadap taklif Tuhan serta ketetapan takdir-Nya yang akhirnya sentiasalah dia menanti panggilan maut hal keadaannya mentaati agama sama ada apa yang melibatkan hubungan terhadap insan, terhadap alam (makhluk) atau terhadap dirinya sendiri (seperti bersabar dan bersyukur) maka labih-lebih lagi terhadap Tuhan."<sup>1</sup>

Ayat tersebut terlalu panjang dan strukturnya agak lemah, menyebabkan maksud sebenarnya sukar difahami.

Dalam menyalurkan dakwah dalam karya-karya kreatif pula, kadang-kadang para penulis agak terlalu banyak menggambarkan gambaran-gambaran yang buruk dan mungkar dan terlalu banyak menonjolkan sifat-sifat buruk dan keji para watak. Dalam hubungan ini Dr. Ismail Ibrahim yang pernah membuat kajian dalam bidang ini menjelaskan bahawa kelemahan ini tidak dapat sama sekali menonjolkan dakwah yang menjadi matlamatnya kerana kelemahan teknik, kurang maklumat tentang Islam dan falsafahnya, kurang memahami konsep Islam itu sendiri sebagai satu pegangan hidup yang mutlak dan menyeluruh, dan tidak dapat menghubungkan antara alam dan fikiran manusia dengan wahyu Allah, iaitu ajaran-ajaran yang terkandung dalam al-Qur'an.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Abdul Hadi Mahmud (1996): 24.

<sup>2</sup>Ismail Ibrahim (1980): 2.

Berkaitan teknik bentuk fizikal pula, tenaga manusia yang kreatif dan mahir serta peralatan yang baik dan mencukupi merupakan ciri-ciri yang diperlukan bagi melahirkan teknik bentuk fizikal yang menarik. Sesetengah penerbit media cetak dakwah didapati tidak mempunyai jawatan atau orang yang mahir untuk mengendalikan tugas rekabentuk. Sesetengahnya pula tidak langsung mempunyai peralatan seperti komputer bagi kerja-kerja berkenaan. Dengan demikian kerja-kerja rekabentuk terpaksa dibuat oleh pihak lain secara upah dan sukar bagi penerbit itu membuat penilaian tepat terhadap hasil kerja rekabentuk yang dibuat oleh pihak lain itu.<sup>1</sup>

Contoh-contoh yang dinyatakan di atas adalah sebahagian daripada kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam penulisan bercorak Islam. Hal ini adalah satu realiti seperti yang diakui oleh YB Dato' Dr. Abdul Hamid bin Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam komentarnya berkaitan persempahan buku-buku dakwah di negara ini, katanya:

*"...Kebanyakannya buku yang menyentuh Islam tidak mempunyai persempahan menarik kerana perbincangan mengenai sesuatu topik amat berat atau kurang membina. Walaupun banyak buku mengenai Islam di pasaran, cara persempahannya tidak begitu menarik, khususnya di segi kertas, gambar dan persempahan yang terlampau berat. Jika tidak berat pun ia akan kurang membina. Kadang-kadang penulisnya adalah golongan ahli akademik yang kadang kala sasaran mereka hanya untuk kumpulan-kumpulan tertentu sahaja...."<sup>2</sup>*

---

<sup>1</sup>Mohd. Shauki Abdul Majid (1997).

<sup>2</sup>Pengarang *Utusan Malaysia* (1997b): 5.

Daripada keterangan dan contoh-contoh seperti yang telah disebutkan, dapatlah dikatakan bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam persembahan media cetak bercorak Islam sama ada dari segi kandungan isinya maupun teknik bentuk fizikal. Hal ini sedikit sebanyak menjelaskan usaha dakwah melalui media cetak.

#### **1.5.5. Masalah Pemasaran**

Pemasaran penerbitan bercetak adalah satu perkara yang sukar. Felix Dahn, seorang penulis Barat pernah mengungkapkan tentang kesukaran tugas pemasaran ini dalam sebuah puisi pendek yang bermaksud seperti berikut :

*"Menulis buku memangnya mudah. Diperlukan hanya pen, dakwat dan kertas. Mencetak buku rumit sedikit kerana orang yang cerdik sahaja gemar membaca tulisan tangan yang begitu sukar dibaca. Membaca buku lebih sukar dan mudah membuatkan orang mengantuk. Tetapi tugas yang paling sukar ialah menjual buku."<sup>1</sup>*

Dalam konteks media cetak dakwah, seorang jurnalis bernama Aslam Abdullah dalam kajiannya terhadap media cetak Islam di negara-negara Islam mendapati kebanyakan media cetak Islam lemah dari sudut komersil. Soal-soal pengiklanan dan edaran jualan sering diabaikan. Situasi pasaran pula tidak banyak menyokong disebabkan kadar celik huruf penduduk di sesetengah negara Islam masih rendah. Di samping itu kebanyakan pengusaha atau penerbitnya yang terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan Islam tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan terpaksa mendapat bantuan daripada kerajaan.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Stanley Unwin (1988): 100.

<sup>2</sup>Aslam Abdullah (1989): 144 - 152.

Di Malaysia, dalam pengendalian edaran bahan-bahan bacaan untuk sampai ke tangan sasaran, para penerbit tidak terlepas berhadapan dengan beberapa masalah. Masalah utama yang biasa dihadapi ialah sesetengah penerbit tidak mempunyai struktur organisasi yang lengkap untuk mengendalikan urusan pemasaran. Biasanya masalah ini dihadapi oleh penerbit-penerbit atau badan-badan dakwah yang kecil atau badan-badan yang bukan mencari untung termasuk juga agensi-agensi kerajaan. Sebagai contohnya JAWI, YADIM dan PERKIM tidak mempunyai bahagian atau unit khusus untuk mengendalikan tugas ini. Ia terletak pada bahu para petugas yang menguruskan urusan penerbitan itu sendiri. Keadaan ini menggambarkan betapa beban tugas yang dipikul oleh pekerja-pekerja penerbitan yang terpaksa melaksanakan semua urusan yang berkaitan.

Bagi penerbit-penerbit yang ada unit pemasaran pula, ada masalah lain yang masih menjadi halangan. Dewan Bahasa dan Pustaka misalnya masih mempunyai kelemahan dalam sistem pengedarannya. Kelemahan sistem pengedaran yang berlaku ialah disebabkan kegagalan pengedar memainkan peranan sebagai pengedar, kegagalan mewujudkan rangkaian urusniaga serta tidak mampu melaksanakan perancangan, pengurusan jualan, promosi dan kreativiti mencari pasaran baru.<sup>1</sup> Selain itu buku-buku berkenaan tidak dijual di kedai yang mempunyai ramai pelanggan seperti di tempat-tempat membeli belah.<sup>2</sup>

Keadaan-keadaan seperti yang disebutkan di atas telah menimbulkan beberapa situasi yang membantutkan usaha media cetak dakwah untuk berperanan dengan lebih berkesan. Situasi-situasi itu antaranya ialah perancangan pengedaran

---

<sup>1</sup>Pengarang *Utusan Malaysia* (1997c): 8.

<sup>2</sup>Mohd. Fuad Razali (1997): 7.

untuk mencapai sasaran tidak dapat dibuat dengan berstrategik; menambah bebanan tugas kepada petugas-petugas penerbitan di bahagian lain; tugas-tugas pemasaran termasuk promosi dan pengedaran tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan; bahan-bahan yang diterbitkan tidak mampu sampai kepada sasaran secara luas dan tepat; dan tidak dapat mengadakan kajian pengukuran keberkesanan bahan-bahan yang diedarkan.

Daripadauraian dan penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa media cetak ialah satu saluran penyampaian mesej dan maklumat yang digunakan dalam kehidupan manusia sejak awal tamadunnya hingga sekarang. Peranannya begitu luas sehingga mengambil ruang lebih tiga perempat daripada kegiatan perhubungan awam termasuk penggunaannya untuk tujuan dakwah. Di Malaysia, peranan yang dimainkan oleh media cetak untuk tujuan dakwah adalah luas dan dilakukan oleh banyak pihak melalui penghasilan pelbagai jenis terbitan yang meliputi pelbagai bidang dan jurusan.